



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

eISSN 2735-0592



SOROTAN PASARAN BURUH

SUKU TAHUN KETIGA 2023

STB
2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN PASARAN BURUH

SUKU TAHUN KETIGA 2023

Pemakluman

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram	: StatsMalaysia
Emel	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum) : data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Diterbitkan pada 24 November 2023

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

eISSN 2735 – 0592

Kata Pengantar

Sorotan Pasaran Buruh (LMR) merupakan penerbitan suku tahunan oleh Biro Statistik Buruh Malaysia (MBLS), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Laporan ini bertujuan untuk membawa penghayatan statistik rasmi dalam kehidupan melalui ulasan dan perihalan trend semasa pasaran buruh. Justeru, statistik suku tahunan digabungkan dalam naratif supaya pengguna memperoleh gambaran yang komprehensif berkaitan pasaran buruh Malaysia.

Bahagian pertama LMR membentangkan kedudukan pasaran buruh Malaysia pada suku tahun ketiga 2023 serta perkaitannya dengan prestasi ekonomi dan senario sosial negara dalam tempoh tersebut. Sorotan ini meliputi tiga dimensi utama berkaitan maklumat pasaran buruh negara yang merangkumi penawaran, permintaan dan produktiviti buruh. Satu segmen khusus yang memberi fokus kepada isu atau tema terpilih berkenaan dengan situasi pasaran buruh global dan nasional turut dimuatkan dalam laporan ini. Istimewanya dalam setiap edisi LMR suku tahunan, turut diketengahkan satu atau lebih artikel berkaitan isu-isu pasaran buruh melalui statistik, atau metodologi bagi memperkukuh statistik pasaran buruh. Jadual terperinci statistik siri masa suku tahunan yang berkaitan dengan tiga dimensi pasaran buruh turut disertakan.

Laporan ini akan menghuraikan perubahan tahun ke tahun selain perubahan jangka pendek dari suku sebelumnya bagi mengkaji kesan langsung daripada peristiwa terkini. Pengguna dinasihatkan untuk mentafsirkan perubahan suku tahunan dengan berhati-hati kerana statistik ini tidak dibuat pelarasan musim. LMR boleh digunakan oleh penggubal dasar, ahli akademik, ahli ekonomi, penyelidik dan pengguna lain dalam kajian berkaitan pasaran buruh.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan laporan ini. Pandangan dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amat dihargai. Diharapkan laporan ini dapat memenuhi keperluan terhadap statistik pasaran buruh yang semakin meningkat.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

November 2023

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Kandungan

Kata Pengantar	i
Kandungan	iii
Glosari	iv
Akronim	vii
Infografik ST3 2023	ix

Sorotan Utama	1
Pendahuluan	3
Pasaran buruh negara terus berkembang pada suku ketiga 2023, mencatatkan kadar penyertaan tenaga buruh tertinggi pada 70.1 peratus.	
Penawaran Buruh	5
Permintaan Buruh	26
Produktiviti Buruh	33
Menuju Ke Hadapan	39
Ekonomi MADANI: Ke arah pembentukan pasaran buruh yang lebih produktif	
Kesimpulan	41

Artikel	43
Gaji & Upah: Mengkaji Kesan Dasar Gaji Minimum Terhadap Ketidaksamarataan Upah di Malaysia Menggunakan Data Pentadbiran	
Jadual Statistik	
Penawaran Buruh, Malaysia, ST1 2021 - ST3 2023	A1-A10
Permintaan Buruh, Malaysia, ST1 2021 - ST3 2023	B1-B8
Produktiviti Buruh, Malaysia, ST1 2021 - ST3 2023	C1-C8
Upah Pekerja, Malaysia, ST1 2021 - ST3 2023	D1-D4

Glosari

Aktiviti ekonomi	: Merujuk kepada klasifikasi industri mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0 kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dibahagikan kepada subsektor.
Belia	: Penduduk yang berumur antara 15 hingga 24 tahun.
Bekerja	: Penduduk yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji). Mereka juga dianggap bekerja jika tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja dan tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.
Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran	: Merujuk kepada mereka yang mempunyai pendidikan tertiar dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.
Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa	: Merupakan kumpulan yang bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja yang tidak mencukupi dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja.
Jawatan	: Jumlah buruh yang diperlukan oleh pertubuhan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan pada satu masa tertentu, merangkumi jawatan diisi dan kekosongan.
Jawatan diisi	: Pekerja bergaji (sepanjang masa dan sambilan); tidak termasuk pemilik perseorangan dan rakan niaga, pekerja keluarga tanpa gaji dan pekerja yang bercuti tanpa gaji.
Jumlah jam bekerja	: Agregat jam bekerja sebenar bagi tempoh satu suku tahunan ialah hasil darab pekerja dengan purata jam bekerja seminggu yang kemudiannya didarabkan dengan 13 minggu.
Kadar pengangguran	: Perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh, dalam bentuk peratusan.
Kategori kemahiran	: Untuk tujuan pelaporan, kategori pekerjaan di kelaskan kepada tiga tahap kemahiran mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 mengikut. Mahir - 1. Pengurus; 2. Profesional; 3. Juruteknik dan professional bersekutu; Separuh mahir - 4. Pekerja sokongan pengkeranian; 5. Pekerja perkhidmatan dan penjualan; 6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan, dan perikanan; 7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; 8. Operator loji dan mesin serta pemasangan; Berkemahiran rendah - 9. Pekerjaan asas.

Glosari

Kadar penyertaan tenaga buruh	: Perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja, dalam bentuk peratusan.
Kekosongan	: Jawatan yang wujud dan tersedia untuk diisi tetapi belum diisi. Majikan secara aktif cuba mendapatkan calon melalui proses mengiklankan kekosongan, mengeluarkan notis dan berdaftar dengan agensi pekerjaan serta menjalankan temuduga untuk memilih calon bagi mengisi kekosongan.
Luar tenaga buruh	: Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur termasuk suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), pesara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.
Majikan	: Merujuk kepada orang yang telah menerima pekerja melalui kontrak perkhidmatan atau perantisan termasuk; (i) pengurus, ejen atau orang yang bertanggungjawab bagi pembayaran gaji atau upah kepada pekerja; (ii) mana-mana badan sama ada berkanun atau tidak diperbadankan; dan (iii) mana-mana badan Kerajaan, Jabatan Kerajaan, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan atau badan lain yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan, jika seseorang pekerja bekerja dengan mana-mana Kerajaan, jabatan, pihak berkuasa atau badan itu atau dengan mana-mana pegawai bagi pihak mana-mana Kerajaan, jabatan, pihak berkuasa atau badan, pegawai yang mempunyai pekerja dibawahnya dikira sebagai majikan: Dengan syarat bahawa tiada pegawai boleh bertanggungjawab secara peribadi di bawah Akta bagi perkara-perkara yang dilakukan oleh seorang pekerja majikan tersebut.
Menganggur	: Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan tetapi berminat untuk bekerja dan sedang mencari pekerjaan. Dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.
Nilai ditambah	: Perbezaan di antara output dan penggunaan perantaraan. Ia merupakan nilai ditambah barangan dan perkhidmatan dalam aktiviti ekonomi. Oleh itu, ia hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.
Nisbah guna tenaga kepada penduduk	: Perkadaran penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja, dalam bentuk peratusan.
Pekerja	: Merujuk kepada orang yang bekerja sama ada melalui kontrak perkhidmatan atau perantisan, sama ada bertulis atau lisan dan sama ada tersurat atau tersirat, untuk bekerja dengan majikan.
Pencapaian pendidikan	: Merujuk kepada peringkat tertinggi seseorang itu telah menamatkan atau sedang mengikuti persekolahan di institusi pendidikan awam atau swasta yang menyediakan pendidikan rasmi.

Glosari

Pewujudan jawatan	: Jawatan yang diwujudkan dalam sesebuah organisasi yang mana jawatan tersebut belum pernah tersedia sebelum ini, termasuk skim perkhidmatan yang baru digubal, jawatan yang diwujudkan untuk kenaikan pangkat pekerja sedia ada dan pertambahan bilangan jawatan daripada struktur sedia ada.
Produktiviti buruh	: Merujuk kepada kecekapan dan keberkesanan setiap pekerja untuk menjana nilai ditambah atau output keseluruhan. Ia dikira menggunakan nisbah nilai ditambah kepada jumlah jam bekerja atau pekerja mengikut sektor di Malaysia.
Taraf pekerjaan	: Merujuk kepada kedudukan atau taraf seseorang yang bekerja di dalam pertubuhan atau organisasi di mana beliau bekerja dan disesuaikan berasaskan <i>International Classification of Status in Employment</i> (ICSE-93).
Tenaga buruh	: Penduduk dalam kumpulan umur bekerja (dalam tahun mengikut ulang tahun kelahiran yang lepas), sama ada bekerja atau menganggur, dalam minggu rujukan.
Umur bekerja	: Penduduk yang berumur 15 hingga 64 tahun sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.
Upah	: Merujuk kepada semua ganjaran dalam bentuk wang yang dibayar sepanjang tempoh rujukan kepada pekerja. Anggaran upah termasuk bonus, komisen, dan elaun mengikut definisi sumber data. Tidak termasuk: (i) caj perkhidmatan; (ii) bayaran kerja lebih masa; (iii) ganjaran; (iv) faedah persaraan; (v) faedah pengurangan pekerja, pemberhentian atau penamatan; (vi) mana-mana elaun perjalanan atau nilai mana-mana konsesi perjalanan; atau (vii) mana-mana saraan atau bayaran lain sebagaimana yang dikecualikan oleh Menteri.

Akronim



DOSM	: Jabatan Perangkaan Malaysia
HRD Corp	: Pembangunan Sumber Manusia Berhad
IMF	: <i>International Monetary Fund</i>
KDNK	: Keluaran Dalam Negeri Kasar
KPTB	: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
MASCO	: Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia
MSIC	: Piawaian Pengelasan Industri Malaysia
NETR	: Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional
NIMP	: Pelan Induk Perindustrian Baharu
PERKESO	: Pertubuhan Keselamatan Sosial
PMKS	: Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
RM	: Ringgit Malaysia
RMKe-12	: Rancangan Malaysia Kedua Belas
ST	: Suku Tahun
STB	: Survei Tenaga Buruh
TVET	: Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong




SOROTAN PASARAN BURUH, SUKU KETIGA 2023

Pasaran buruh negara terus berkembang pada suku ketiga 2023, mencatatkan kadar penyertaan tenaga buruh tertinggi pada 70.1 peratus



Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB)
meningkat **0.7 mata peratus** berbanding ST3 2022 merekodkan **70.1 peratus**



Luar Tenaga Buruh


7.18 juta orang pada ST3 2023
% YoY: **-0.9%**

Lebih daripada **85 peratus** tidak mencari kerja kerana bersekolah dan kerja rumah




*merujuk kepada orang yang melanjutkan pelajaran, kurang upaya, tidak berminat/ baru tamat pengajian dan bersara/ lanjut umur.

Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa kekal pada 1.2 peratus, manakala **Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran** meningkat 0.5 mata peratus berbanding ST3 2022



Jumlah Jam Bekerja

meningkat **4.2 peratus** berbanding ST3 2022



ST3 2023

8.90
juta jawatan

Jawatan dalam sektor ekonomi
meningkat **2.6 peratus** berbanding ST3 2022

97.9%
Kadar jawatan diisi

Jawatan diisi

Pertumbuhan
% YoY: **2.7%**



2.1%
Kadar kekosongan

Kekosongan

Pertumbuhan
% YoY: **-0.2%**



103.0

7.8

4.8

30.5

31.7

32.0


Pewujudan jawatan

bertambah 1.5 ribu jawatan daripada ST3 2022




Produktiviti Buruh per Jam Bekerja

Nilai ditambah per jam bekerja berkurang **0.9 peratus**, memperoleh nilai **RM42.2 per jam** pada ST3 2023



Produktiviti Buruh per Pekerja

Nilai ditambah per pekerja meningkat secara marginal **0.6 peratus** kepada **RM 24,465 per pekerja** pada ST3 2023



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Sorotan Utama bagi ST3 2023

- Pasaran buruh negara terus berkembang pada suku ketiga 2023, mencatatkan kadar penyertaan tenaga buruh tertinggi pada 70.1 peratus.
 - Pada ST3 2023, penawaran buruh kekal kukuh apabila bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 2.3 peratus tahun ke tahun untuk merekodkan 16.82 juta orang. Justeru, kadar penyertaan tenaga buruh meningkat 0.7 mata peratus kepada 70.1 peratus. Bilangan penduduk bekerja terus meningkat, walaupun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.7 peratus kepada 16.25 juta orang pada suku tahun tersebut, dengan nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat kepada 67.7 peratus. Pada masa yang sama, bilangan penganggur berkurang sebanyak 6.3 peratus kepada 573.1 ribu orang, mencatatkan kadar pengangguran negara pada 3.4 peratus, dilihat secara beransur-ansur kembali ke tahap prapandemik.
 - Bilangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu mencatatkan penurunan marginal 0.8 peratus berbanding suku yang sama pada tahun 2022 kepada 284.8 ribu orang pada ST3 2023. Sehubungan itu, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa kekal pada 1.2 peratus. Sementara itu, guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran yang merangkumi lebih satu pertiga daripada penduduk bekerja dengan pendidikan tertiar meningkat 0.5 mata peratus kepada 37.3 peratus pada suku tahun tersebut.
 - Melihat kepada permintaan buruh dalam sektor ekonomi, bilangan jawatan meningkat sebanyak 2.6 peratus tahun ke tahun untuk merekodkan sejumlah 8.90 juta jawatan. Jawatan diisi merangkumi 97.9 peratus, meningkat sebanyak 2.7 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya kepada 8.71 juta. Namun, peluang pekerjaan dalam ekonomi ditunjukkan oleh bilangan kekosongan jawatan menurun sedikit 0.2 peratus kepada 190.9 ribu kekosongan pada ST3 2023. Selain itu, terdapat 32.0 ribu pewujudan jawatan di sektor swasta pada suku tahun tersebut.
 - Dengan ekonomi Malaysia berkembang 3.3 peratus pada ST3 2023, disokong oleh peningkatan permintaan domestik, produktiviti buruh yang diukur berdasarkan nilai ditambah per pekerja mencatatkan peningkatan sebanyak 0.6 peratus merekodkan nilai RM24,465 per pekerja. Pada tempoh masa yang sama, jumlah jam bekerja melonjak sebanyak 4.2 peratus kepada 9.42 bilion jam. Oleh itu, produktiviti buruh per jam bekerja jatuh sebanyak 0.9 peratus, dengan nilai RM42.2 per jam, menunjukkan penurunan dalam kecekapan pasaran buruh.
 - Pasaran buruh Malaysia menunjukkan prospek yang memberangsangkan sepanjang suku ketiga tahun 2023, yang patut diberi perhatian disebalik ketidaktentuan ekonomi global. Menuju ke suku akhir tahun 2023, prospek kekal optimistik, memandangkan Indeks Pelopor Malaysia yang terkini menjangkakan ekonomi Malaysia akan terus menyederhana, disebabkan oleh cabaran-cabaran ini, walaupun permintaan domestik yang kukuh. Strategi dan inisiatif dalam Belanjawan 2024 sejajar dengan rangka kerja Ekonomi MADANI, yang bertujuan untuk meningkatkan kedudukan ekonomi negara dan Rakyat, dijangka memberi impak positif kepada ekosistem pasaran buruh dengan mempertingkatkan kemahiran tenaga kerja, menaikkan upah dan mencipta peluang pekerjaan melalui pelaburan strategik. Oleh itu, prestasi keseluruhan pasaran buruh dijangka berkembang, dengan prospek pertumbuhan sederhana pada suku yang akan datang. Namun begitu, pandangan ini tertakluk kepada pelbagai cabaran global dan domestik yang mungkin muncul dari keadaan luar dijangka pada masa hadapan, serta kesan bencana banjir yang berkemungkinan akan berlaku berikutan jangkaan Musim Timur Laut atau musim tengkujuh di Malaysia yang bermula pada awal November 2023 dan berterusan hingga Mac 2024.
-

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

1. Pendahuluan

Pasaran buruh negara terus berkembang pada suku ketiga 2023, mencatatkan kadar penyertaan tenaga buruh tertinggi pada 70.1 peratus

Ekonomi global terus pulih perlahan-lahan daripada kesan terhadap pandemik, ketegangan geopolitik yang berlarutan dan masalah kos sara hidup. Di sebalik usaha bagi membantu proses pemulihan, beberapa faktor termasuk pengetatan dasar monetari seiring bagi menangani inflasi, penarikan sokongan fiskal di tengah-tengah hutang yang tinggi dan perubahan iklim yang berterusan telah menyebabkan pemulihan yang berbeza mengikut negara. Berdasarkan laporan *World Economic Outlook* (WEO) yang diterbitkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pada Oktober 2023¹, ekonomi global dijangka merosot daripada 3.5 peratus pada tahun 2022 kepada 3.0 peratus pada tahun 2023 dan 2.9 peratus tahun depan, yang kekal lebih rendah daripada purata sejarah. Pertumbuhan ekonomi bagi negara maju dijangka mengalami kelembapan daripada 2.6 peratus pada tahun 2022 kepada 1.5 peratus pada tahun 2023 dan 1.4 peratus pada tahun 2024. Begitu juga, ekonomi pasaran baharu dan ekonomi membangun juga diunjurkan menurun, walaupun lebih beransur-ansur berbanding negara maju, daripada 4.1 peratus pada tahun 2022 kepada 4.0 peratus pada tahun 2023 dan 2024.

Ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan di tengah-tengah ketidaktentuan yang semakin meningkat dalam landskap ekonomi global. Menurut Kementerian Kewangan Malaysia (MoF), menerusi laporan Tinjauan Ekonomi 2024, pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia diramalkan berkembang kira-kira 4.0 peratus pada tahun 2023 dan antara 4.0 peratus hingga 5.0 peratus pada tahun 2024². Pada ketika menghadapi permintaan luar yang perlahan, Bank Dunia telah menyemak unjuran KDNK Malaysia, menurunkannya daripada 4.3 peratus kepada 3.9 peratus tahun ini sebelum meningkat sederhana kepada 4.3 peratus pada tahun hadapan. Ini sejajar dengan unjuran pertumbuhan Malaysia 2024, yang akan dicapai melalui permintaan domestik yang kukuh, seterusnya mengimbangi dengan berkesan cabaran pertumbuhan global yang menyederhana. Keadaan pasaran buruh yang memberangsangkan dan peningkatan dalam perbelanjaan pelaburan terus menyokong permintaan domestik Malaysia pada tahun 2023. Pertumbuhan ini juga disokong oleh tekanan inflasi yang berkurangan yang akhirnya menyokong kemunculan penggunaan, selain peningkatan konsisten bilangan ketibaan pelancong yang merangsang pertumbuhan dalam sektor berkaitan pelancongan. Lonjakan pelaburan swasta baru-baru ini boleh dikaitkan dengan projek yang giat dilaksanakan, disokong oleh dasar di bawah pelan induk dan pelan tindakan negara yang diumumkan oleh kerajaan, termasuk Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Melihat prestasi ekonomi pada suku ketiga, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 3.3 peratus, didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan (5.0%) dan Pembinaan (7.2%). Pertumbuhan sektor Perkhidmatan bertambah baik dalam kedua-dua subsektor berkaitan pengguna dan perniagaan, walaupun ia juga terus mendapat manfaat yang ketara daripada peningkatan perbelanjaan berkaitan pelancongan. Di samping itu, sektor Pembinaan mengekalkan momentum pertumbuhannya, disokong oleh kemajuan infrastruktur besar yang sedang dijalankan dan projek berskala kecil. Sektor Pertanian menunjukkan pemulihan sedikit, dengan pertumbuhan 0.8 peratus selepas penurunan 0.1 peratus pada suku sebelumnya. Pada masa yang sama, sektor Pembuatan mengalami penurunan

1 Tabung Kewangan Antarabangsa (2023, Oktober). *World Economic Outlook: Navigating Global Divergence*. diambil daripada <https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belanjawan2024/economy/economy-2024.pdf>

2 Kementerian Kewangan Malaysia (2023). *Tinjauan Ekonomi 2024*. diambil daripada <https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belanjawan2024/economy/economy-2024.pdf>


kecil sebanyak 0.1 peratus pada suku tersebut, dipengaruhi oleh aktiviti berorientasikan eksport dalam kluster elektrik dan elektronik (E&E) dan pengeluaran produk petroleum bertapis yang lebih rendah berikutan asas yang tinggi tahun lepas dan permintaan luar yang perlahan. Walau bagaimanapun, daya tahan permintaan dalam negeri mengurangkan kesan permintaan luar yang lemah terhadap ekonomi dan pengeluaran perlombongan yang lebih rendah.

Peningkatan dalam permintaan domestik pada ST3 2023 didorong oleh perbelanjaan sektor swasta dan awam. Perkembangan ini telah memupuk keadaan pasaran buruh yang memberangsangkan pada suku tersebut sejak kadar pengangguran berkurang kepada 3.4 peratus manakala penganggur menurun sebanyak 6.3 peratus pada suku tahun tersebut. Penurunan secara beransur-ansur dalam pengangguran didorong terutamanya oleh peningkatan berterusan dalam guna tenaga dengan pertambahan sebanyak 2.7 peratus tahun ke tahun. Dari segi permintaan buruh, bilangan jawatan dalam sektor ekonomi meningkat sebanyak 2.6 peratus, dengan kekosongan jawatan menyaksikan aliran menurun sebanyak 0.2 peratus, menunjukkan lebih sedikit peluang pekerjaan dalam pasaran pada ST3 2023. Walau bagaimanapun, pewujudan jawatan yang kukuh menyatakan bahawa guna tenaga akan terus berkembang dan memenuhi keperluan industri. Faktor-faktor ini akan menyokong pertumbuhan dalam pendapatan dan perbelanjaan pengguna.

Carta 1.1:

Guna tenaga, pengangguran dan keluaran dalam negeri kasar, ST1 2019 - ST3 2023

■ Peratus perubahan, tahun ke tahun (%)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh & Akaun Negara, Malaysia, ST3 2023, DOSM

2. Penawaran Buruh


2.1 Tenaga buruh pada suku tahun ketiga 2023

Penawaran buruh Malaysia kekal kukuh pada ST3 2023, dengan bilangan tenaga buruh meningkat 2.3 peratus (+381.1 ribu) untuk merekodkan 16.82 juta orang **[Carta 2.1]**. Sehubungan itu, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) meningkat sebanyak 0.7 mata peratus berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya kepada 70.1 peratus, merupakan KPTB tertinggi pernah direkodkan sebelum wabak COVID-19 **[Carta 2.2]**.

Perbandingan dengan suku tahun sebelumnya, bilangan tenaga buruh meningkat 0.6 peratus (+96.5 ribu), manakala KPTB terus meningkat sebanyak 0.1 mata peratus.

Carta 2.1:


Tenaga buruh, ST1 2019 - ST3 2023



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Carta 2.2:

Kadar penyertaan tenaga buruh, ST1 2019 - ST3 2023



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM


Mengikut jantina, lelaki merangkumi lebih separuh daripada tenaga buruh negara, menyumbang 61.2 peratus pada ST3 2023. Tenaga buruh lelaki meningkat 2.4 peratus tahun ke tahun (+242.6 ribu) untuk mencatatkan 10.30 juta orang. Sementara itu, tenaga buruh perempuan yang terdiri daripada 38.8 peratus daripada jumlah tenaga buruh, menyaksikan peningkatan 2.2 peratus (+138.5 ribu) kepada 6.52 juta orang. Selain itu, kedua-dua tenaga buruh lelaki dan perempuan menunjukkan peningkatan sebanyak 0.6 peratus berbanding suku tahun sebelumnya [Carta 2.3].

Carta 2.3:


Tenaga buruh mengikut jantina, ST3 2022, ST2 2023 & ST3 2023

■ Lelaki ■ Perempuan

Peratus sumbangan (%)
[Orang (juta)]



Peratus perubahan (%)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM


Selari dengan peningkatan bilangan tenaga buruh pada ST3 2023, KPTB lelaki meningkat sebanyak 0.9 mata peratus daripada suku yang sama pada tahun sebelumnya untuk mencatatkan 83.0 peratus. Pada masa yang sama, KPTB perempuan meningkat sebanyak 0.4 mata peratus, mencapai 56.3 peratus pada ST3 2023. Data menunjukkan bahawa KPTB lelaki secara purata kekal melebihi 80 peratus, iaitu hampir dua kali ganda berbanding KPTB perempuan. Berdasarkan perbandingan suku tahunan, KPTB lelaki dan perempuan juga bertambah baik berbanding suku sebelumnya masing-masing sebanyak 0.2 mata peratus dan 0.1 mata peratus [Carta 2.4].

Carta 2.4:

Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut jantina, ST1 2019 - ST3 2023

● KPTB Lelaki (%) ● KPTB Perempuan (%)

Peratus (%)




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Mengikut kumpulan umur, mereka yang berumur antara 25 hingga 34 tahun merupakan komposisi terbesar tenaga buruh, menyumbang 34.0 peratus atau 5.72 juta orang. Pada masa yang sama, tenaga buruh dalam kumpulan umur 35 hingga 44 tahun berada pada kedudukan kedua dengan 25.0 peratus, diikuti belia berumur 15 hingga 24 tahun (17.1%), 45 hingga 54 tahun (16.3%) dan 55 hingga 64 tahun (7.7%).

Berdasarkan perbandingan tahun ke tahun, kesemua kecuali kumpulan umur lebih tua iaitu 55 hingga 64 tahun menunjukkan pertumbuhan positif dalam tenaga buruh. Pertumbuhan yang paling ketara direkodkan oleh mereka dalam kumpulan umur 25 hingga 34 tahun, dengan pertambahan 169.5 ribu orang (3.1%), diikuti kumpulan umur 45 hingga 54 tahun, yang meningkat sebanyak 78.6 ribu (3.0%) dan belia berumur 15 hingga 24 tahun dengan peningkatan seramai 69.1 ribu orang (2.5%).

Walau bagaimanapun, sedikit penurunan dapat dilihat dalam bilangan tenaga buruh bagi kumpulan umur 35 hingga 44 tahun berbanding ST2 2023. Sementara itu, empat kumpulan umur lain mencatatkan pertumbuhan positif suku ke suku [Carta 2.5].

Carta 2.5:
Tenaga buruh mengikut kumpulan umur, ST3 2022, ST2 2023 & ST3 2023




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Bagi penyertaan tenaga buruh mengikut kumpulan umur, dua kumpulan umur mencapai KPTB melebihi 80.0 peratus pada ST3 2023, dengan mereka yang berumur 25 hingga 34 tahun merekodkan KPTB tertinggi iaitu 88.5 peratus, diikuti kumpulan umur 35 hingga 44 tahun pada kadar 85.2 peratus. Selain itu, mereka yang berumur 45 hingga 54 tahun juga mencatatkan KPTB yang tinggi iaitu 76.4 peratus, melebihi KPTB negara sebanyak 70.1 peratus pada ST3 2023. Kumpulan umur 55 hingga 64 tahun mencatatkan kadar terendah iaitu 45.8 peratus. Berdasarkan perbandingan tahun ke tahun, semua kumpulan umur merekodkan KPTB yang lebih tinggi berbanding ST3 2022.

Menariknya, pecahan terperinci bagi penyertaan tenaga buruh mengikut jantina dan kumpulan umur menunjukkan KPTB tertinggi adalah berbeza antara lelaki dan perempuan. Seperti yang dapat dilihat, KPTB lelaki melonjak melebihi 90.0 peratus bagi kumpulan umur 25 hingga 34 tahun dan kekal tinggi bagi kumpulan umur 45 hingga 54 tahun sebelum menurun bagi kumpulan umur yang lebih tua iaitu 55 hingga 64 tahun. Pada ST3 2023, KPTB tertinggi direkodkan bagi lelaki berumur 35 hingga 44 tahun iaitu 98.1 peratus. Bagi perempuan, KPTB tertinggi adalah bagi kumpulan umur 25 hingga 34 tahun, merekodkan 79.1 peratus pada ST3 2023. Walau bagaimanapun, KPTB perempuan jatuh bagi kumpulan umur yang lebih muda berbanding lelaki dan terus berkurang selari dengan peningkatan umur [Carta 2.6].

Carta 2.6:
Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut jantina & kumpulan umur, ST3 2022, ST2 2023 & ST3 2023



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

2. Penawaran Buruh


2.2 Guna tenaga pada suku tahun ketiga 2023

Pada ST3 2023, guna tenaga terus merekodkan pertumbuhan positif tahun ke tahun, walaupun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.7 peratus (+419.8 ribu), bagi sejumlah 16.25 juta penduduk bekerja pada suku tahun tersebut [Carta 2.7]. Selari dengan ini, nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan terus meningkat sebanyak 0.9 mata peratus berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya untuk merekodkan 67.7 peratus [Carta 2.8].

Berdasarkan perbandingan suku ke suku, bilangan penduduk bekerja meningkat secara marginal 0.6 peratus (+104.8 ribu). Oleh itu, nisbah guna tenaga kepada penduduk juga meningkat sebanyak 0.2 mata peratus berbanding suku sebelumnya.

Carta 2.7:


Penduduk bekerja, ST1 2019 - ST3 2023



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Carta 2.8:

Nisbah guna tenaga kepada penduduk, ST1 2019 - ST3 2023



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM


Kebanyakan penduduk bekerja adalah lelaki, menyumbang 61.3 peratus (9.97 juta), manakala perempuan merangkumi 38.7 peratus (6.28 juta) daripada jumlah guna tenaga. Peningkatan bilangan penduduk bekerja daripada suku yang sama pada tahun 2022 adalah disebabkan oleh kenaikan bagi kedua-dua jantina lelaki dan perempuan masing-masing sebanyak 2.9 peratus (+276.4 ribu) dan 2.3 peratus (+143.4 ribu). Kedua-dua kategori ini juga mencatatkan peningkatan suku ke suku di mana bilangan penduduk bekerja lelaki meningkat 0.7 peratus (+66.8 ribu) dan perempuan meningkat sebanyak 0.6 peratus (+38.0 ribu) [Carta 2.9].

Carta 2.9:


Penduduk bekerja mengikut jantina, ST3 2022, ST2 2023 & ST3 2023

■ Lelaki ■ Perempuan

Peratus sumbangan (%)
[Orang (juta)]



Peratus perubahan (%)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Analisis lanjut bagi penduduk bekerja mengikut kumpulan umur menggambarkan bahawa mereka yang berumur 25 hingga 34 tahun adalah penyumbang terbesar sebanyak 34.3 peratus, mewakili 5.57 juta orang pada ST3 2023. Ini diikuti 25.5 peratus (4.15 juta) berumur 35 hingga 44 tahun dan 16.6 peratus (2.70 juta) berumur 45 hingga 54 tahun. Pada masa yang sama, belia bekerja berumur 15 hingga 24 tahun menyumbang 15.8 peratus atau bersamaan 2.57 juta orang manakala kumpulan umur yang lebih tua iaitu 55 hingga 64 tahun merangkumi 7.7 peratus atau bersamaan 1.26 juta orang.

Pada suku tersebut, peningkatan bilangan penduduk bekerja didapati dalam kesemua kumpulan umur kecuali kumpulan umur yang lebih tua iaitu 55 hingga 64 tahun, yang melaporkan penurunan sebanyak 2.0 peratus. Peningkatan terbesar bagi penduduk bekerja iaitu sejumlah 226.4 ribu orang (4.2%) direkodkan bagi kumpulan umur 25 hingga 34 tahun kepada 5.57 juta orang, diikuti kumpulan umur 45 hingga 54 tahun, yang memperoleh tambahan 77.1 ribu orang (2.9%) untuk mencatatkan seramai 2.70 juta orang. Tambahan pula, belia berumur 15 hingga 24 tahun yang bekerja meningkat 3.0 peratus (+75.3 ribu) tahun ke tahun, sekali gus menjadikan jumlah belia yang bekerja kepada 2.57 juta orang pada ST3 2023.



Berbanding suku sebelumnya, kesemua kumpulan umur mencatatkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja kecuali mereka yang berumur 55 hingga 64 tahun, yang menurun marginal 0.2 peratus (-2.9 ribu) pada ST3 2023 [Carta 2.10].

Carta 2.10:

Penduduk bekerja mengikut kumpulan umur, ST3 2022, ST2 2023 & ST3 2023

■ 15-24 ■ 25-34 ■ 35-44 ■ 45-54 ■ 55-64

Peratus sumbangan (%)
[Orang (juta)]



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Fokus terhadap tahap kemahiran bagi guna tenaga pada ST3 2023, kebanyakan penduduk bekerja berada dalam kategori pekerjaan separuh mahir, terdiri daripada 59.1 peratus atau 9.60 juta orang. Kategori ini meningkat sebanyak 1.9 peratus (+180.6 ribu) berbanding suku yang sama tahun lalu. Tambahan pula, kategori pekerjaan mahir yang merangkumi 27.9 peratus daripada jumlah penduduk bekerja meningkat sebanyak 2.4 peratus (+107.0 ribu) tahun ke tahun, mencatatkan 4.53 juta orang, manakala baki 13.0 peratus berada dalam kategori pekerjaan berkemahiran rendah, meningkat sebanyak 6.7 peratus (+132.2 ribu), menyumbang 2.11 juta orang [Carta 2.11].


Begitu juga, perbandingan suku ke suku mendapati bahawa bilangan penduduk bekerja dalam kategori pekerjaan mahir meningkat sebanyak 0.5 peratus (+20.8 ribu) daripada ST2 2023. Sementara itu, bilangan penduduk bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah meningkat masing-masing sebanyak 0.5 peratus (+48.4 ribu) dan 1.7 peratus (+35.6 ribu).

Carta 2.11:

Penduduk bekerja mengikut tahap kemahiran, ST1 2022 - ST3 2023

■ Penduduk bekerja ● Tahun ke tahun (%)

Orang (juta)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM


Berdasarkan kepada perincian mengikut taraf pekerjaan, kesemua kategori merekodkan peningkatan tahun ke tahun dan suku ke suku pada ST3 2023. Berbanding setahun yang lalu, kategori majikan yang meliputi 3.6 peratus daripada jumlah penduduk bekerja, meningkat sebanyak 3.1 peratus (+17.4 ribu), iaitu seramai 586.1 ribu orang. Sementara itu, kategori pekerja yang meliputi peratus sumbangan terbesar, merekodkan 75.0 peratus pada ST3 2023. Penduduk bekerja dalam kategori ini yang terdiri daripada pekerja bergaji dalam sektor awam dan swasta mengalami kenaikan 2.1 peratus (+255.7 ribu), kepada 12.19 juta penduduk bekerja.

Mereka yang bekerja sendiri meliputi pelbagai peranan, daripada pekerjaan tradisional sebagai petani, peruncit dan penjaja hingga pekerjaan profesional seperti perunding dan bekerja bebas (freelancers), merangkumi 18.4 peratus atau 2.98 juta orang. Kategori ini terus mencatatkan pertumbuhan positif, walaupun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 5.2 peratus (+146.7 ribu) tahun ke tahun berbanding 7.1 peratus yang direkodkan pada ST2 2023. Sebaliknya, pekerja keluarga tanpa bergaji yang meliputi 3.0 peratus daripada jumlah guna tenaga, dengan 491.9 ribu orang dalam kategori ini. Ini mewakili peningkatan sedikit 0.01 peratus (+0.1 ribu) daripada suku yang sama pada tahun sebelumnya [Carta 2.12].

Perbandingan suku ke suku, kategori pekerja berkembang 0.7 peratus (+88.1 ribu), diikuti bekerja sendiri dengan peningkatan sebanyak 0.5 peratus (+14.2 ribu). Pada masa yang sama, kedua-dua kategori majikan dan pekerja keluarga tanpa gaji meningkat sedikit masing-masing sebanyak 0.2 peratus (+0.9 ribu) dan 0.3 peratus (+1.6 ribu).

Carta 2.12:

Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, ST1 2022 - ST3 2023




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Bagi pecahan mengikut pencapaian pendidikan, majoriti penduduk bekerja mempunyai pendidikan menengah (57.9%), diikuti oleh pendidikan tertiar (31.7%). Sementara itu, penduduk bekerja yang mempunyai pendidikan rendah dan tiada pendidikan formal masing-masing mewakili 7.9 peratus dan 2.5 peratus pada ST3 2023.

Dari segi bilangan pada suku tersebut, penduduk bekerja dengan pendidikan menengah meningkat 5.0 peratus (+450.3 ribu) daripada ST3 2022 kepada 9.41 juta orang. Selain itu, mereka yang mempunyai pendidikan tertiar juga merekodkan peningkatan 3.1 peratus (+154.7 ribu) kepada 5.15 juta orang. Sebaliknya, penduduk bekerja yang mempunyai pendidikan rendah berkurang 7.4 peratus (-103.7 ribu) tahun ke tahun, manakala bagi mereka yang tiada pendidikan formal berkurang sebanyak 16.8 peratus (-81.5 ribu), dengan masing-masing merekodkan 1.29 juta dan 404.0 ribu orang [Carta 2.13].

Carta 2.13:
Penduduk bekerja mengikut pencapaian pendidikan, ST3 2022, ST2 2023 & ST3 2023

■ Tertiar ■ Menengah ■ Rendah ■ Tiada pendidikan formal



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM


2. Penawaran Buruh

2.3 Guna tenaga tidak penuh pada suku tahun ketiga 2023

Pada ST3 2023, bilangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu mencatatkan penurunan sebanyak 0.8 peratus (-2.4 ribu) daripada suku yang sama pada tahun sebelumnya kepada 284.8 ribu orang, yang menyumbang 1.8 peratus daripada jumlah guna tenaga. Walau bagaimanapun, bilangan penduduk bekerja dalam kumpulan ini berbanding suku sebelumnya menunjukkan peningkatan sebanyak 1.6 peratus (+4.4 ribu), manakala peratus sumbangan kepada jumlah penduduk bekerja meningkat 0.1 mata peratus [Carta 2.14].

Carta 2.14:

Penduduk bekerja kurang dari 30 jam, ST1 2021 - ST3 2023




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Sehubungan itu, bilangan guna tenaga tidak penuh berkaitan masa pada ST3 2023 meningkat sebanyak 1.2 peratus (+2.2 ribu) berbanding suku yang sama pada tahun 2022 kepada sejumlah 189.0 ribu orang. Pada tempoh yang sama, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa kekal pada 1.2 peratus daripada ST3 2022. Trend yang sama dapat dilihat pada perubahan suku tahunan di mana bilangan bagi kategori ini meningkat 1.4 peratus (+2.6 ribu), dan kadarnya kekal tidak berubah seperti suku sebelumnya [Carta 2.15].

Carta 2.15:

Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, ST1 2021 - ST3 2023




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Satu lagi dimensi guna tenaga tidak penuh dikaitkan dengan kemahiran atau secara umumnya didefinisikan sebagai golongan yang ingin mengubah situasi pekerjaan semasa mereka bagi memanfaatkan sepenuhnya kemahiran mereka dalam pekerjaan. Berdasarkan ketersediaan data dari Survei Tenaga Buruh (STB), indikator ini diukur menggunakan proksi pemboleh ubah pekerjaan dan pencapaian pendidikan. Sehingga ST3 2023, bilangan penduduk dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran meningkat sebanyak 4.5 peratus atau bertambah seramai 83.0 ribu, namun pada kadar yang lebih perlahan berbanding suku yang sama tahun lepas, untuk merekodkan 1.92 juta orang. Oleh itu, sumbangan penduduk bekerja berpendidikan tertiar yang bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah meningkat 0.5 mata peratus kepada 37.3 peratus [Carta 2.16].

Perbandingan dengan ST2 2023, mereka yang berada dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran juga mencatatkan peningkatan 0.4 peratus (+8.1 ribu) manakala kadarnya turun 0.1 mata peratus. Walaupun bilangannya meningkat sedikit, pada hakikatnya lebih satu pertiga daripada penduduk bekerja yang berpendidikan tertiar berada dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah.

Carta 2.16:
Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, ST1 2021 - ST3 2023



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

2. Penawaran Buruh


2.4 Pengangguran pada suku tahun ketiga 2023

Pada ST3 2023, bilangan penganggur menurun 6.3 peratus atau bersamaan kepada pengurangan sebanyak 38.7 ribu orang berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya, yang merekodkan sejumlah 573.1 ribu penganggur [Carta 2.17]. Oleh itu, kadar pengangguran negara berada pada 3.4 peratus pada suku tersebut selepas mencatatkan penurunan tahun ke tahun sebanyak 0.3 mata peratus. Berdasarkan situasi ini, bilangan dan kadar pengangguran perlahan-lahan kembali ke tahap prapandemik [Carta 2.18].

Situasi pengangguran juga telah bertambah baik berbanding ST2 2023, dengan bilangan penganggur menurun 1.4 peratus (-8.3 ribu), manakala kadar pengangguran turun 0.1 mata peratus daripada suku sebelumnya.

Carta 2.17:


Pengangguran, ST1 2019 - ST3 2023



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Carta 2.18:

Kadar pengangguran, ST1 2019 - ST3 2023



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM


Berhubung sumbangan penganggur mengikut jantina, lelaki merangkumi lebih separuh (57.9%) daripada jumlah pengangguran berbanding 42.1 peratus adalah perempuan. Pada ST3 2023, bilangan penganggur lelaki menurun sebanyak 9.2 peratus (-33.9 ribu) berbanding suku yang sama pada tahun 2022, yang menyumbang seramai 331.8 ribu orang. Penganggur perempuan mengalami pengurangan sebanyak 2.0 peratus (-4.9 ribu) tahun ke tahun untuk merekodkan 241.3 ribu orang. Selain itu, penganggur lelaki dan perempuan menunjukkan penurunan masing-masing sebanyak 2.1 peratus (-7.3 ribu) dan 0.4 peratus (-0.9 ribu) berbanding suku sebelumnya [Carta 2.19].

Carta 2.19:


Penganggur mengikut jantina, ST3 2022, ST2 2023 & ST3 2023

■ Lelaki ■ Perempuan

Peratus sumbangan (%)
[Orang (ribu)]



Peratus perubahan (%)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM


Walaupun sebahagian besar penganggur adalah lelaki, kadar pengangguran yang lebih tinggi dicatatkan oleh perempuan. Pada ST3 2023, kadar pengangguran perempuan berada pada 3.7 peratus, 0.5 mata peratus lebih tinggi berbanding kadar pengangguran lelaki iaitu 3.2 peratus. Kedua-dua kategori ini mengalami penurunan tahun ke tahun, yang mana kadar pengangguran lelaki jatuh 0.4 mata peratus manakala kadar pengangguran perempuan turun 0.2 mata peratus. Pengurangan suku ke suku yang lebih kecil direkodkan bagi kadar pengangguran lelaki sebanyak 0.1 mata peratus, manakala kadar pengangguran bagi perempuan kekal sama [Carta 2.20].

Carta 2.20:

Kadar pengangguran mengikut jantina, ST1 2019 - ST3 2023

● Kadar pengangguran lelaki (%) ● Kadar pengangguran perempuan (%)

Peratus (%)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM



Lebih separuh (51.5%) daripada penganggur adalah belia berumur 15 hingga 24 tahun, merangkumi 295.1 ribu orang pada ST3 2023. Ini diikuti oleh 26.0 peratus (149.2 ribu) berumur 25 hingga 34 tahun dan 9.2 peratus (52.8 ribu) berumur 35 hingga 44 tahun. Sementara itu, penganggur berumur 45 hingga 54 tahun merekodkan sumbangan terendah sebanyak 6.6 peratus (37.7 ribu). Perbandingan tahun ke tahun, dua daripada kumpulan umur yang lebih muda, dari 15 hingga 34 tahun, mencatatkan penurunan dalam pengangguran. Golongan belia menganggur berumur 15 hingga 24 tahun menyaksikan penurunan sebanyak 2.1 peratus (-6.2 ribu), manakala kumpulan umur 25 hingga 34 tahun berkurang sebanyak 27.6 peratus (-56.9 ribu). Berbanding ST3 2023, bilangan penganggur dalam kesemua kumpulan umur mencatatkan penurunan kecuali kumpulan umur tua 45 hingga 54 tahun dan 55 hingga 64 tahun, masing-masing meningkat sebanyak 29.0 peratus (+8.4 ribu) dan 58.7 peratus (+14.2 ribu) **[Carta 2.21]**.

Carta 2.21:

Penganggur mengikut kumpulan umur, ST3 2022, ST2 2023 & ST3 2023

■ 15-24 ■ 25-34 ■ 35-44 ■ 45-54 ■ 55-64

Peratus sumbangan (%)
[Orang (ribu)]



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM


Merentasi kohort umur, kadar pengangguran pada ST3 2023 menurun berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya. Kumpulan umur 25 hingga 34 tahun telah mengalami penurunan terbesar daripada 3.7 peratus pada ST3 2022 kepada 2.6 peratus pada suku ini. Pada masa yang sama, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun adalah 10.3 peratus pada ST3 2023, secara berterusan mencatatkan kadar pengangguran dua digit selepas jatuh kepada 9.9 peratus semasa tempoh prapandemik pada ST4 2019 **[Carta 2.22]**.

Carta 2.22:

Kadar pengangguran mengikut kumpulan umur, ST1 2019 - ST3 2023

● 15-24 ● 25-34 ● 35-44 ● 45-54 ● 55-64

Peratus (%)




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Sejak ST3 2021, penganggur aktif membentuk hampir 90 peratus daripada jumlah pengangguran di Malaysia. Pada ST3 2023, kumpulan ini menyumbang sebanyak 81.8 peratus, bersamaan 468.6 ribu orang. Kategori ini mengalami penurunan sebanyak 12.3 peratus (-65.4 ribu) berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya. Sementara itu, bilangan penganggur tidak aktif merekodkan peningkatan sebanyak 34.3 peratus (+26.7 ribu) kepada 104.5 ribu orang [Carta 2.23].

Carta 2.23:

Penganggur aktif dan tidak aktif, ST1 2019 - ST3 2023



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Bagi tempoh pengangguran dalam kalangan penganggur aktif, lebih daripada dua pertiga (67.5%) atau 316.5 ribu menganggur kurang dari 3 bulan. Mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang atau menganggur lebih daripada setahun, yang merangkumi 5.2 peratus (24.3 ribu), telah mencatatkan penurunan sebanyak 34.9 peratus (-13.0 ribu) daripada ST3 2022. Selain itu, dapat diperhatikan bahawa bilangan penganggur aktif menurun tahun ke tahun dan suku ke suku bagi kesemua kategori tempoh pengangguran [Carta 2.24].


Carta 2.24:

Penganggur aktif mengikut tempoh masa menganggur, ST3 2022, ST2 2023 & ST3 2023


Legend:
 ■ Kurang dari 3 bulan
 ■ 3 hingga kurang dari 6 bulan
 ■ 6 hingga kurang dari 12 bulan
 ■ Lebih dari 1 tahun

Peratus sumbangan (%)

[Orang (ribu)]



Peratus perubahan (%)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM


2. Penawaran Buruh

2.5 Luar tenaga buruh pada suku tahun ketiga 2023

Pada ST3 2023, bilangan luar tenaga buruh menurun secara marginal sebanyak 0.9 peratus (-68.3 ribu) tahun ke tahun untuk merekodkan 7.18 juta orang. Sebab penurunan ini berlaku seiring dengan peningkatan dalam tenaga buruh, maka ini menunjukkan bahawa lebih ramai orang menyertai pasaran buruh. Walau bagaimanapun, bilangan penduduk dalam kategori ini meningkat sedikit 0.03 peratus (+2.1 ribu) berbanding suku sebelumnya [Carta 2.25].

Carta 2.25:

Luar tenaga buruh, ST1 2019 - ST3 2023



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM


Majoriti penduduk luar tenaga buruh adalah perempuan. Pada ST3 2023, sumbangan luar tenaga buruh perempuan adalah 70.6 peratus atau bersamaan 5.07 juta orang. Sementara itu, lelaki terdiri daripada 29.4 peratus luar tenaga buruh atau 2.11 juta orang. Berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya, bilangan lelaki luar tenaga buruh jatuh sebanyak 3.9 peratus (-85.4 ribu), manakala perempuan meningkat sedikit 0.3 peratus (+17.1 ribu) bagi tempoh yang sama [Carta 2.26].

Carta 2.26:

Luar tenaga buruh mengikut jantina, ST3 2022, ST2 2023 & ST3 2023

Legend: ■ Lelaki, ■ Perempuan

Peratus sumbangan (%)
[Orang (juta)]



Peratus perubahan (%)

0.3

-3.9

Tahun ke tahun

0.2

-0.4


Suku ke suku

Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Melihat kepada perincian luar tenaga buruh mengikut kumpulan umur pada ST3 2023, hampir separuh daripadanya adalah belia berumur 15 hingga 24 tahun, dengan kumpulan ini merangkumi 46.3 peratus atau 3.32 juta orang. Kumpulan ini sebahagian besarnya terdiri daripada mereka yang masih dalam sistem pendidikan. Sementara itu, kumpulan umur yang lebih tua iaitu 55 hingga 64 tahun, yang berkemungkinan berada di luar tenaga buruh kerana telah bersara, berada pada kedudukan kedua dari segi komposisi dan meliputi 21.4 peratus atau 1.53 juta orang.

Berdasarkan perbandingan tahun ke tahun, dua kumpulan umur merekodkan penurunan bilangan luar tenaga buruh, iaitu pengurangan sebanyak 9.3 peratus (-76.8 ribu) bagi kumpulan umur 25 hingga 34 tahun dan penurunan 3.6 peratus (-31.5 ribu) bagi kumpulan umur tua iaitu 45 hingga 54 tahun. Berbanding ST2 2023, kesemua kumpulan umur menyaksikan penurunan bilangan luar tenaga buruh kecuali bagi kumpulan umur 35 hingga 44 tahun, yang meningkat sebanyak 6.5 peratus (+44.8 ribu) [Carta 2.27].

Carta 2.27:
Luar tenaga buruh mengikut kumpulan umur, ST3 2022, ST2 2023 & ST3 2023



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Analisis selanjutnya bagi luar tenaga buruh lelaki dan perempuan menunjukkan corak yang berbeza antara kedua-dua kumpulan ini. Belia berumur 15 hingga 24 tahun membentuk lebih separuh (63.7%) daripada luar tenaga buruh lelaki, diikuti oleh hampir satu per empat (23.8%) bagi kumpulan umur lebih tua iaitu 55 hingga 64 tahun. Hal ini menunjukkan bahawa luar tenaga buruh lelaki pada umur muda disebabkan oleh pendidikan, manakala kebanyakan lelaki keluar dari pasaran buruh disebabkan oleh persaraan.


Begitu juga, kumpulan umur belia mempunyai sumbangan tertinggi luar tenaga buruh perempuan iaitu 39.0 peratus, diikuti oleh kumpulan umur lebih tua (19.9%). Walau bagaimanapun, gabungan sumbangan kedua-duanya, iaitu 58.9 peratus adalah jauh lebih rendah berbanding sumbangan oleh lelaki dalam kumpulan umur yang sama (88.5%). Hal ini menyebabkan kepada sumbangan yang ketara bagi luar tenaga buruh perempuan merentasi kumpulan umur yang lain iaitu antara 12.6 hingga 15.0 peratus, menunjukkan bahawa perempuan cenderung keluar daripada pasaran buruh lebih awal berbanding lelaki [Carta 2.28].

Carta 2.28:

Luar tenaga buruh mengikut jantina dan kumpulan umur, ST3 2022, ST2 2023 & ST3 2023

■ 15-24 ■ 25-34 ■ 35-44 ■ 45-54 ■ 55-64

Peratus sumbangan (%)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Dalam kalangan luar tenaga buruh, sumbangan terbesar iaitu 44.6 peratus tidak mencari kerja pada ST3 2023 disebabkan oleh kerja rumah atau tanggungjawab keluarga. Kategori ini menyaksikan peningkatan 2.4 peratus (+74.8 ribu) berbanding ST3 2022, yang merekodkan 3.20 juta orang. Bersekolah atau program latihan berada pada kedudukan kedua dengan sumbangan sebanyak 40.8 peratus atau bersamaan dengan 2.93 juta orang. Berbanding suku yang sama pada tahun 2022, bilangan dalam kategori ini menurun 2.1 peratus (-62.1 ribu). Sementara itu, sumbangan sebanyak 2.0 peratus daripada luar tenaga buruh yang tidak mencari kerja disebabkan mereka akan melanjutkan pelajaran berkurang 12.9 peratus (-20.8 ribu) tahun ke tahun kepada 140.8 ribu orang, menunjukkan kumpulan ini berpotensi untuk menyertai tenaga buruh selepas menamatkan pengajian mereka. Peratusan terendah sebab tidak mencari kerja adalah kerana tidak berminat atau baru tamat pengajian yang menyumbang 0.6 peratus atau 40.9 ribu orang [Paparan 2.1].

Paparan 2.1:

Luar tenaga buruh mengikut sebab tidak mencari kerja, ST3 2022, ST2 2023 & ST3 2023

		ST3 2023	Peratus perubahan (tahun ke tahun)	
		Orang ('000)	Peratus perubahan (suku ke suku)	
		(Peratus sumbangan)		
Bersekolah/ program latihan		2,926.9 (40.8%)	▼ -2.1%	ST3 2022: 2,989.0 (41.2%)
Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga		3,200.8 (44.6%)	▲ 2.4%	ST2 2023: 2,955.5 (41.2%)
Melanjutkan pelajaran		140.8 (2.0%)	▲ 4.8%	ST3 2022: 3,126.0 (43.1%)
Kurang upaya		196.1 (2.7%)	▼ -1.5%	ST2 2023: 3,195.1 (44.5%)
Tidak berminat/ baru tamat pengajian		40.9 (0.6%)	▼ -54.9%	ST3 2022: 161.6 (2.2%)
Bersara/ lanjut usia		676.8 (9.4%)	▼ -19.3%	ST2 2023: 134.2 (1.9%)
			▲ 3.7%	ST3 2022: 199.2 (2.7%)
			▲ 2.2%	ST2 2023: 191.9 (2.7%)

Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

2. Penawaran Buruh


2.6 Situasi tenaga buruh mengikut negeri pada suku tahun ketiga 2023

Mengenai situasi tenaga buruh di peringkat negeri pada ST3 2023, enam negeri mencatatkan KPTB lebih tinggi berbanding 70.1 peratus yang direkodkan di peringkat nasional, iaitu Selangor (77.0%), W.P. Putrajaya (75.6%), W.P. Kuala Lumpur (73.4%), Pulau Pinang (72.5%), Johor (70.6%) dan Sabah (70.6%).

Berbanding suku yang sama tahun sebelumnya, kebanyakan negeri mencatatkan peningkatan KPTB kecuali Melaka, Perak dan W.P. Kuala Lumpur. Pada ST3 2023, W.P. Putrajaya merekodkan perubahan positif tertinggi sebanyak 3.9 mata peratus kepada 75.6 peratus, manakala baki dua belas negeri yang lain menunjukkan peningkatan KPTB antara 0.1 dan 1.6 mata peratus. Trend ini menunjukkan penyertaan yang tinggi bagi penduduk umur bekerja di negeri masing-masing dalam pasaran buruh, sama ada yang sedang bekerja atau mencari pekerjaan [Carta 2.29].

Carta 2.29:

Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut negeri, ST3 2023




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Pada ST3 2023, jumlah guna tenaga di Malaysia meningkat 2.7 peratus. Peningkatan bilangan penduduk bekerja pada suku tahun tersebut disumbang oleh pertumbuhan positif tahun ke tahun di majoriti negeri, kecuali Melaka, Perak, W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Labuan. Seperti yang dapat dilihat, Selangor yang merangkumi 23.5 peratus daripada jumlah guna tenaga, memperoleh jumlah pekerja yang paling ketara sebanyak 4.6 peratus (+167.3 ribu) kepada 3.81 juta orang, mengalami pertambahan yang paling ketara bilangan penduduk bekerja sebanyak 4.6 peratus (+167.2 ribu) kepada 3.81 juta orang. Ini diikuti Sabah dengan sumbangan 12.6 peratus atau 2.05 juta penduduk bekerja selepas peningkatan sebanyak 5.0 peratus (+97.0 ribu) tahun ke tahun.

Sebaliknya, bilangan penduduk bekerja di Perak yang merangkumi 6.7 peratus daripada guna tenaga negara, mengalami pengurangan 2.6 peratus (-29.0 ribu) untuk merekodkan 1.09 juta orang. Sementara itu, penduduk bekerja di Melaka dan W.P. Kuala Lumpur mencatatkan penurunan sebanyak 1.3 peratus, manakala W.P. Labuan mencatatkan penurunan marginal 0.2 peratus pada ST3 2023 [Carta 2.30].

Carta 2.30:

Penduduk bekerja mengikut negeri, ST3 2023



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Melihat kepada situasi pengangguran mengikut negeri pada ST3 2023, W.P. Putrajaya merekodkan kadar pengangguran terendah pada 0.5 peratus. Selain itu, sembilan negeri lain mencatatkan kadar pengangguran yang lebih rendah berbanding kadar pengangguran nasional pada 3.4 peratus, dalam lingkungan antara 2.1 peratus hingga 3.3 peratus.

Pada ST3 2023, Sabah terus mencatatkan kadar pengangguran tertinggi (7.5%) walaupun merekodkan penurunan tahun ke tahun sebanyak 0.7 mata peratus. Disamping itu, W.P. Labuan, Terengganu dan Kelantan adalah antara tiga negeri yang melaporkan kadar pengangguran melebihi kadar nasional.

Sembilan negeri mencatatkan bilangan penganggur yang lebih rendah pada ST3 2023 berbanding suku yang sama 2022. Selangor mengalami pengurangan penganggur yang paling ketara, menurun sebanyak 25.1 peratus (-30.0 ribu), memandangkan saiz tenaga buruh di negeri itu juga adalah yang tertinggi. Walaupun berlaku penurunan kadar pengangguran secara keseluruhan, tujuh negeri mencatatkan peningkatan bilangan penganggur berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Antara pertambahan tertinggi ialah di Sarawak, yang meningkat 14.6 peratus (+6.2 ribu) kepada 49.1 ribu orang, diikuti Kelantan dengan peningkatan sebanyak 17.3 peratus (+5.0 ribu) untuk merekodkan 33.9 ribu penganggur pada ST3 2023 **[Jadual 2.1]**.

Jadual 2.1:

Pengangguran mengikut negeri, ST3 2023

Negeri	Kadar Pengangguran (%)	Penganggur		
		Bilangan ('000)	Perbezaan Tahunan ('000)	Peratus Perubahan Tahunan (%)
Sabah	7.5	166.3	-7.9	-4.5
W.P. Labuan	7.3	3.6	0.2	5.3
Terengganu	4.4	23.2	1.3	6.2
Kelantan	4.1	33.9	5.0	17.3
Malaysia	3.4	573.1	-38.7	-6.3
W.P. Kuala Lumpur	3.4	29.5	-1.8	-5.9
Sarawak	3.4	49.1	6.2	14.6
Perak	3.3	36.6	1.3	3.7
Melaka	2.8	12.6	0.5	4.4
Pahang	2.7	20.6	-1.0	-4.6
Johor	2.5	47.0	0.7	1.5
Negeri Sembilan	2.4	13.0	-2.8	-18.0
Perlis	2.4	2.9	-0.1	-3.1
Kedah	2.3	24.6	-6.6	-21.3
Selangor	2.3	89.7	-30.0	-25.1
Pulau Pinang	2.1	20.4	-3.7	-15.4
W.P. Putrajaya	0.5	0.2	-0.1	-42.9

Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM


3. Permintaan Buruh

3.1 Jawatan dalam suku tahun ketiga 2023

Pada ST3 2023, permintaan buruh mengekalkan trend peningkatan berbanding suku yang sama pada tahun lepas, dengan bilangan jawatan dalam sektor ekonomi mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.6 peratus (+227.1 ribu), untuk merekodkan sejumlah 8.90 juta jawatan. Secara suku tahunan, bilangan jawatan menunjukkan sedikit peningkatan 0.9 peratus, menyumbang kepada pertambahan 75.4 ribu jawatan [Carta 3.1].

Carta 3.1:

Jawatan, ST1 2019 - ST3 2023




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Bilangan jawatan diisi meningkat 2.7 peratus (+227.4 ribu) berbanding suku yang sama tahun sebelumnya kepada 8.71 juta pada ST3 2023. Berbanding suku sebelumnya, bilangan jawatan diisi meningkat sebanyak 0.9 peratus, bersamaan dengan 74.3 ribu.

Berhubung peluang pekerjaan pada ST3 2023, kekosongan jawatan menurun 0.2 peratus (-0.3 ribu) tahun ke tahun untuk mencatatkan 190.9 ribu kekosongan. Sebaliknya, kenaikan kecil sebanyak 0.6 peratus (+1.1 ribu) dapat dilihat berbanding suku sebelumnya.

Dari segi kadar jawatan diisi, kadar tersebut meningkat sebanyak 0.1 mata peratus tahun ke tahun, berada pada 97.9 peratus pada ST3 2023. Sehubungan itu, kadar kekosongan jawatan kepada jumlah jawatan berkurang 0.1 mata peratus pada suku tersebut untuk mencatatkan kadar 2.1 peratus [Carta 3.2].


Carta 3.2:

Jawatan diisi dan kekosongan, ST1 2021 - ST3 2023

Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Analisis selanjutnya berhubung permintaan buruh mengikut aktiviti ekonomi menunjukkan bahawa pertumbuhan positif tahun ke tahun bagi jawatan adalah disebabkan oleh pertambahan bilangan jawatan dalam kesemua sektor. Sepanjang setahun lalu, jelas bahawa permintaan buruh di kesemua sektor ekonomi telah menunjukkan trend yang positif, memandangkan terdapat peningkatan ketara dalam bilangan jawatan diisi berbanding suku yang sama tahun sebelumnya [Carta 3.3].

Carta 3.3:


Jawatan, jawatan diisi dan kekosongan mengikut sektor ekonomi, ST2 2023 & ST3 2023

Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Carta 3.4:

Peratus sumbangan jawatan, jawatan diisi dan kekosongan mengikut sektor ekonomi, ST3 2023

■ Jawatan ■ Jawatan diisi ■ Kekosongan

**Sumber:** Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Pada ST3 2023, kebanyakan jawatan tertumpu dalam sektor Perkhidmatan, menyumbang 51.7 peratus atau 4.60 juta jawatan, yang meningkat sebanyak 2.3 peratus (+102.0 ribu) tahun ke tahun. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh peningkatan jawatan dalam kesemua subsektor, terutamanya dalam subsektor Pengangkutan & penyimpanan (3.6%) dan Makanan & minuman dan penginapan (3.3%). Berdasarkan taburan jawatan mengikut subsektor bagi Perkhidmatan, lebih dua pertiga daripada jawatan bagi sektor ini adalah dalam subsektor Perdagangan borong & runcit (36.9%), Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan (20.1%) dan Makanan & minuman dan penginapan (17.6%).

Daripada keseluruhan jumlah jawatan dalam sektor Perkhidmatan, 99.4 peratus atau 4.58 juta adalah jawatan diisi, merekodkan peningkatan sebanyak 2.4 peratus (+105.0 ribu) pada ST3 2023. Kesemua subsektor mencatatkan kadar melebihi 98.0 peratus, dengan kadar jawatan diisi tertinggi dicatatkan dalam subsektor Makanan & minuman dan penginapan (99.8%), manakala kadar terendah adalah dalam subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan (98.9%). Pada tempoh yang sama, kekosongan jawatan dalam sektor Perkhidmatan merangkumi 0.6 peratus daripada jumlah jawatan dalam sektor ini atau bersamaan 26.1 ribu kekosongan, menunjukkan pengurangan tahun ke tahun sebanyak 12.8 peratus (-3.8 ribu). Kekosongan jawatan ini tertumpu terutamanya dalam subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan (39.3%) dan Perdagangan borong & runcit (36.9%).

Sementara itu, sektor Pembuatan yang merangkumi 27.7 peratus daripada jumlah jawatan atau bersamaan dengan 2.46 juta, berada pada kedudukan kedua selepas sektor Perkhidmatan. Sektor ini mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 3.1 peratus (+74.2 ribu) disokong oleh perkembangan positif dalam kesemua subsektor kecuali subsektor Produk petroleum, kimia, getah & plastik dengan penurunan marginal sebanyak 0.2 peratus berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya. Pertambahan tertinggi bilangan jawatan dalam sektor ini adalah subsektor Prosesan makanan, minuman & produk tembakau (10.0%), diikuti oleh Produk tekstil, pakaian & kulit (4.3%) dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (3.2%). Selain itu, jawatan dalam sektor Pembuatan tertumpu terutamanya dalam Produk elektrik, elektronik & optikal (26.7%), Produk petroleum, kimia, getah & plastik (18.5%) dan Produk mineral bukan logam, logam asas &

produk logam yang direka (15.2%). Ketiga-tiga subsektor ini secara kolektif menyumbang kepada hampir dua pertiga jawatan dalam sektor Pembuatan.

Kadar jawatan diisi bagi sektor Pembuatan pada ST3 2023 meningkat 0.1 mata peratus berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya kepada 95.6 peratus. Tambahan pula, bilangan jawatan diisi meningkat sebanyak 3.2 peratus (+73.6 ribu) tahun ke tahun untuk merekodkan 2.36 juta jawatan diisi. Subsektor Produk tekstil, pakaian & kulit mencatatkan kadar jawatan diisi tertinggi (96.5%), manakala kadar terendah adalah dalam subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal pada 94.9 peratus. Merangkumi 4.4 peratus (107.9 ribu kekosongan) daripada jawatan bagi sektor Pembuatan, bilangan kekosongan dalam sektor ini meningkat sebanyak 0.6 peratus (+0.6 ribu) tahun ke tahun. Di samping itu, hampir separuh daripada kekosongan jawatan adalah dalam subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal (31.3%) dan Produk petroleum, kimia, getah & plastik (18.3%).

Pada ST3 2023, terdapat 1.26 juta jawatan dalam sektor Pembinaan, yang menyumbang 14.2 peratus daripada jumlah jawatan dalam ekonomi. Bilangan jawatan dalam sektor ini meningkat sebanyak 2.2 peratus (+27.2 ribu) berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Kadar jawatan diisi dalam sektor ini adalah 98.0 peratus (1.24 juta jawatan diisi), manakala kadar kekosongan adalah 2.0 peratus (25.9 ribu kekosongan). Sebaliknya, jawatan dalam sektor Pertanian meliputi 5.5 peratus, menyaksikan peningkatan ketara sebanyak 4.5 peratus (+21.2 ribu) kepada 491.3 ribu jawatan pada ST3 2023. Jawatan diisi dalam sektor ini merangkumi 93.8 peratus (460.8 ribu jawatan diisi), berbanding 6.2 peratus atau 30.5 ribu kekosongan. Di samping itu, sektor Perlombongan & pengkuarian menyumbang hanya 0.9 peratus daripada jumlah jawatan, bersamaan dengan 80.8 ribu jawatan, mengalami peningkatan 3.1 peratus (+2.4 ribu) pada suku tersebut. Kadar jawatan diisi bagi sektor ini adalah 99.4 peratus, manakala kadar kekosongan adalah 0.6 peratus.


Menganalisis permintaan buruh mengikut tahap kemahiran menunjukkan bahawa pada ST3 2023, bilangan jawatan dalam kesemua tiga kategori kemahiran bertambah baik berbanding suku yang sama pada tahun 2022. Pada tempoh yang sama, kekosongan meningkat bagi pekerjaan mahir manakala terdapat penurunan dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah [Carta 3.5].

Carta 3.5:

Jawatan, jawatan diisi dan kekosongan mengikut tahap kemahiran, ST2 2023 & ST3 2023

■ Jawatan ● Jawatan diisi ■ Kekosongan

Peratus perubahan (tahun ke tahun, %)




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Carta 3.6:

Peratus sumbangan jawatan, jawatan diisi dan kekosongan mengikut tahap kemahiran, ST3 2023

■ Jawatan ■ Jawatan diisi ■ Kekosongan

**Sumber:** Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Jawatan mahir merangkumi tiga kategori pekerjaan iaitu Pengurus; Profesional; dan Juruteknik dan profesional bersekutu. Bilangan jawatan mahir meningkat 3.0 peratus (+61.2 ribu) tahun ke tahun kepada 2.22 juta pada ST3 2023, menyumbang sebanyak 25.0 peratus. Sehubungan itu, bilangan jawatan diisi dalam kategori mahir meningkat sebanyak 3.0 peratus (+61.7 ribu) untuk merekodkan 2.17 juta. Kekosongan jawatan mahir meningkat marginal 0.7 peratus (+0.4 ribu), mencatatkan 48.6 ribu kekosongan. Kadar jawatan diisi dalam kategori mahir adalah 97.8 peratus, manakala kadar kekosongan pula 2.1 peratus.

Majoriti jawatan dalam sektor ekonomi adalah dalam kategori separuh mahir, menyumbang 62.5 peratus untuk merekodkan 5.56 juta jawatan pada ST3 2023. Lima pekerjaan dalam kategori ini terdiri daripada Pekerja sokongan perkeranian; Pekerja perkhidmatan dan jualan; Pekerja mahir pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan; Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; dan Operator mesin dan loji. Berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya, jawatan dalam kategori ini meningkat sebanyak 2.9 peratus atau bertambah 142.5 ribu jawatan. Kadar jawatan diisi dalam kategori separuh mahir adalah 98.1 peratus atau 5.46 juta jawatan diisi, meningkat 2.9 peratus (+142.4 ribu). Pada tempoh yang sama, bilangan kekosongan jawatan dalam kategori separuh mahir menurun sebanyak 0.4 peratus (-0.5 ribu) kepada 105.5 ribu kekosongan dengan kadar 1.9 peratus.

Namun begitu, jawatan dalam kategori berkemahiran rendah yang merangkumi baki sumbangan 12.6 peratus jawatan mengikut tahap kemahiran, meningkat 0.7 peratus (+4.7 ribu) kepada 1.12 juta jawatan. Selari dengan itu, bilangan jawatan diisi berkemahiran rendah meningkat sedikit 0.7 peratus (+7.5 ribu) kepada 1.08 juta, mencatatkan kadar jawatan diisi pada 96.7 peratus. Sebaliknya, bilangan kekosongan jawatan berkemahiran rendah menurun 0.6 peratus (-0.2 ribu) kepada 36.8 ribu, sekaligus mencatatkan kadar kekosongan 3.3 peratus.


3. Permintaan Buruh

3.2 Pewujudan jawatan pada suku tahun ketiga 2023

Pada ST3 2023, bilangan pewujudan jawatan dalam sektor ekonomi terus bertambah baik dengan peningkatan yang lebih perlahan sebanyak 4.8 peratus (+1.5 ribu) tahun ke tahun berbanding 7.8 peratus pada suku sebelumnya untuk merekodkan 32.0 ribu jawatan. Namun begitu, dari segi bilangan, ianya telah melepasi purata bilangan pewujudan jawatan sebelum pandemik, dalam lingkungan antara 21.5 ribu hingga 28.7 ribu pewujudan jawatan baharu antara ST1 2018 dan ST4 2019. Sementara itu, trend yang sama diperhatikan pada perubahan suku tahunan di mana pewujudan jawatan meningkat sebanyak 0.9 peratus (+0.3 ribu) daripada ST2 2023 [Carta 3.7].

Carta 3.7:

Pewujudan jawatan, ST1 2019 - ST3 2023



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST3 2023, DOSM



Pecahan terperinci bagi pewujudan jawatan mengikut aktiviti ekonomi, kesemua sektor mencatatkan pertumbuhan positif tahun ke tahun pada ST3 2023. Walau bagaimanapun, perbandingan suku tahunan melihat penurunan dalam bilangan pewujudan jawatan bagi sektor Perkhidmatan dan Pertanian [Carta 3.8].

Carta 3.8:

Pewujudan jawatan mengikut sektor ekonomi, ST3 2022, ST2 2023 & ST3 2023

Perkhidmatan Pembinaan Pembuatan Perlombongan & pengkuarian Pertanian

Peratus sumbangan (%)
[Bilangan (ribu)]



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Pewujudan jawatan sebahagian besarnya dalam sektor Perkhidmatan, merangkumi 49.8 peratus atau bersamaan dengan 15.9 ribu jawatan, mencatatkan peningkatan 1.2 peratus (+0.2 ribu) pada ST3 2023. Dalam sektor ini, subsektor Perdagangan borong & runcit memainkan peranan penting dengan menyumbang 8.5 ribu pewujudan jawatan, diikuti subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan dengan 2.8 ribu pewujudan jawatan

Pada masa yang sama, sektor Pembuatan di kedudukan kedua dengan sumbangan 32.5 peratus daripada jumlah pewujudan jawatan pada ST3 2023, meningkat sebanyak 6.0 peratus (+0.6 ribu) untuk merekodkan 10.4 ribu pewujudan jawatan. Gabungan sumbangan dua subsektor yang merangkumi lebih separuh daripada pewujudan jawatan dalam sektor Pembuatan adalah subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal dan Produk petroleum, kimia, getah & plastik.


Bilangan pewujudan jawatan dalam sektor Pembinaan pada ST3 2023 meliputi 12.7 peratus, bersamaan dengan 4.1 ribu jawatan, merekodkan peningkatan sebanyak 16.2 peratus (+0.6 ribu) berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya. Sementara itu, sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 4.5 peratus (1.4 ribu pewujudan jawatan dan 0.6 peratus (0.2 ribu pewujudan jawatan) pada suku tersebut.

Melihat kepada pewujudan jawatan mengikut tahap kemahiran, lebih separuh atau 60.8 peratus daripada jumlah pewujudan jawatan pada ST3 2023 tertumpu dalam kategori separuh mahir, yang menyumbang 19.4 ribu, meningkat 4.0 peratus berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya. Kategori mahir berada di kedudukan kedua dengan komposisi hampir satu pertiga (28.9%) daripada jumlah pewujudan jawatan, mencatatkan pertumbuhan 8.5 peratus kepada 9.2 ribu pewujudan jawatan. Sementara itu, kategori berkemahiran rendah yang menyumbang 10.4 peratus daripada keseluruhan pewujudan jawatan pada suku ini, turun sedikit 0.2 peratus kepada 3.3 ribu jawatan [Carta 3.9].


Carta 3.9:
Pewujudan jawatan mengikut tahap kemahiran, ST3 2022, ST2 2023 & ST3 2023

■ Mahir ■ Separuh mahir ■ Berkemahiran rendah

Peratus sumbangan (%)
[Bilangan (ribu)]



Peratus perubahan (%)



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST3 2023, DOSM


4. Produktiviti Buruh

4.1 Produktiviti buruh per jam bekerja pada suku tahun ketiga 2023

Pada ST3 2023, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 3.3 peratus tahun ke tahun, sedikit lebih baik daripada 2.9 peratus yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya. Seiring dengan pertumbuhan ekonomi pada suku tahun tersebut, jumlah jam bekerja meningkat sebanyak 4.2 peratus (+380 juta jam) untuk merekodkan sejumlah 9.42 bilion jam **[Carta 4.1]**.

Carta 4.1:

Jumlah jam bekerja, ST1 2019 - ST3 2023



Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Sektor Perkhidmatan menyumbang sebanyak 61.9 peratus daripada jumlah jam bekerja di Malaysia, menjadikan penyumbang terbesar kepada ekonomi negara. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan dengan sumbangan sebanyak 17.7 peratus dan sektor Pertanian menyumbang sebanyak 11.0 peratus pada ST3 2023. Dua sektor lain, iaitu sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang jumlah jam bekerja sebanyak 8.9 peratus dan 0.5 peratus.

Mengikut pecahan bagi jumlah jam bekerja mengikut aktiviti ekonomi, kesemua sektor mencatatkan pertumbuhan positif tahun ke tahun pada ST3 2023. Secara khususnya, sektor Perkhidmatan dilihat peningkatan jumlah jam bekerja yang paling signifikan, dengan pertambahan sebanyak 4.9 peratus berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh subsektor Makanan & minuman dan penginapan yang merekodkan pertumbuhan 10.9 peratus tahun ke tahun.

Selain itu, jumlah jam bekerja dalam sektor Pembuatan terus bertambah baik sebanyak 4.6 peratus, dengan peningkatan tertinggi dalam subsektor Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (7.8%), diikuti Produk elektrik, elektronik & optik (5.6%) dan Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan (5.4%).


Tambahan pula, jumlah jam bekerja dalam sektor Pembinaan meningkat sebanyak 2.0 peratus pada ST3 2023, manakala sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian juga mengekalkan trend pertumbuhan positif, dengan kadar pertumbuhan masing-masing sebanyak 1.8 peratus dan 0.4 peratus **[Carta 4.2]**.

Carta 4.2:

Jumlah jam bekerja mengikut sektor ekonomi, ST2 2023 & ST3 2023

■ ST2 2023 ■ ST3 2023

Peratus perubahan (%)



Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Secara keseluruhannya, produktiviti buruh yang diukur dengan nilai ditambah per jam bekerja pada ST3 2023 adalah sebanyak RM42.2 per jam, merosot 0.9 peratus berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya, selepas mencatatkan penurunan sebanyak 1.1 peratus pada ST2 2023 [Carta 4.3].


Carta 4.3:

Produktiviti buruh per jam bekerja, ST1 2019 - ST3 2023

■ Produktiviti buruh per jam bekerja - (RM) ■ Produktiviti buruh per jam bekerja - Tahun ke tahun (%) ■ Jumlah jam bekerja - Tahun ke tahun (%)

RM

Peratus perubahan (%)



Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Melihat kepada produktiviti buruh per jam bekerja merentasi sektor ekonomi pada ST3 2023, sektor Perkhidmatan mengekalkan trend positifnya, dengan pertumbuhan produktiviti buruh per jam bekerja meningkat marginal sebanyak 0.1 peratus pada suku tahun tersebut selepas mencatatkan peningkatan selama lapan suku tahun berturut-turut. Pertumbuhan tertinggi direkodkan dalam subsektor Pengangkutan & penyimpanan (6.9%), diikuti oleh subsektor Perdagangan borong & runcit (3.2%) dan Perkhidmatan lain (2.5%).

Pada masa yang sama, sektor Pembinaan mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 5.2 peratus dalam produktiviti buruh per jam bekerja, berikutan peningkatan sebanyak 3.5 peratus pada ST2 2023.

Sebaliknya, nilai ditambah per jam bekerja bagi sektor Pembuatan berkurang sebanyak 4.5 peratus selepas mencatatkan penurunan sebanyak 3.9 peratus pada ST2 2023. Walaupun terdapat penurunan dalam kebanyakan subsektor, tiga subsektor mencatatkan pertumbuhan positif, iaitu subsektor Minuman & produk tembakau (5.6%), Produk tekstil, pakaian & kulit (2.8%) dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (2.6%).

Selain itu, nilai ditambah per jam bekerja dalam sektor Perlombongan & pengkuarian menurun sebanyak 0.4 peratus pada ST3 2023. Sementara itu, sektor Pertanian mengekalkan pertumbuhan negatifnya dalam produktiviti buruh per jam bekerja, menurun sebanyak 1.0 peratus [Jadual 4.1].

Jadual 4.1:

Produktiviti buruh per jam bekerja, nilai ditambah & jumlah jam bekerja, ST3 2023, - peratus perubahan (tahun ke tahun)

Aktiviti Ekonomi	Produktiviti buruh per jam bekerja	Nilai ditambah	Jumlah jam bekerja
Pertanian	-1.0	0.8	1.8
Perlombongan & pengkuarian	-0.4	-0.1	0.4
Pembuatan	-4.5	-0.1	4.6
Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan proses makanan	-3.5	4.1	7.8
Minuman & produk tembakau	5.6	4.6	-1.0
Produk tekstil, pakaian & kulit	2.8	0.4	-2.3
Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan	-6.4	0.7	7.5
Produk petroleum, kimia, getah & plastik	-4.8	-2.4	2.5
Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka	2.6	5.5	2.8
Produk elektrik, elektronik & optikal	-7.7	-2.5	5.6
Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan	-2.0	4.5	6.6
Pembinaan	5.2	7.2	2.0
Perkhidmatan	0.1	5.0	4.9
Utiliti	-2.6	2.2	4.9
Perdagangan borong & runcit	3.2	5.4	2.2
Makanan & minuman dan penginapan	-5.2	5.1	10.9
Pengangkutan & penyimpanan	6.9	12.8	5.5
Maklumat & komunikasi	1.4	3.5	2.0
Kewangan & insurans	-5.1	-0.8	4.6
Hartanah & perkhidmatan perniagaan	0.9	8.0	7.1
Perkhidmatan lain	2.5	5.7	3.1
Jumlah	-0.9	3.3	4.2


Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

4. Produktiviti Buruh

4.2 Produktiviti buruh per pekerja pada suku tahun ketiga 2023

Memandangkan pasaran buruh Malaysia bertambah baik pada ST3 2023, guna tenaga meningkat sebanyak 2.7 peratus tahun ke tahun untuk merekodkan sejumlah 16.25 juta orang. Secara suku tahunan, guna tenaga menyaksikan pertumbuhan 0.6 peratus, berikutan peningkatan 0.5 peratus pada suku tahun sebelumnya [Carta 4.4].

Carta 4.4:
Pekerja, ST1 2019 - ST3 2023



Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Pada ST3 2023, terdapat peningkatan yang ketara dalam guna tenaga yang didorong terutamanya oleh pertumbuhan dalam sektor Perkhidmatan dan Pembuatan.

Dalam sektor Perkhidmatan, guna tenaga meningkat sebanyak 3.1 peratus pada ST3 2023 untuk merekodkan 10.07 juta orang, dengan kebanyakan kesemua subsektor meningkat berbanding ST3 2022. Peningkatan tertinggi adalah dalam subsektor Makanan & minuman dan penginapan (8.7%), diikuti Perdagangan borong & runcit (1.9%) dan Perkhidmatan lain (1.4%).


Bagi sektor Pembuatan, guna tenaga meningkat 3.0 peratus kepada 2.81 juta orang pada ST3 2023. Berbanding suku yang sama tahun lepas, guna tenaga meningkat bagi kesemua subsektor Pembuatan, kecuali subsektor Produk tekstil, pakaian & kulit, yang menurun sebanyak 3.3 peratus. Peningkatan paling signifikan direkodkan dalam subsektor Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan (6.8%), diikuti subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal (2.8%) dan Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (4.7%).

Guna tenaga dalam sektor Pertanian meningkat 0.6 peratus kepada 1.89 juta orang pada ST3 2023. Sementara itu, guna tenaga dalam sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing meningkat sebanyak 1.4 peratus dan 0.4 peratus [Carta 4.5].

Carta 4.5:
Pekerja mengikut sektor ekonomi, ST2 2023 & ST3 2023

■ ST2 2023 ■ ST3 2023

Peratus perubahan (%)




Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Pertumbuhan dalam guna tenaga sebanyak 2.7 peratus telah menyumbang kepada peningkatan yang sederhana dalam produktiviti buruh per pekerja. Justeru, produktiviti buruh yang diukur sebagai nilai ditambah per pekerja berkembang sebanyak 0.6 peratus untuk merekodkan nilai RM24,465 per pekerja pada ST3 2023 [Carta 4.6].

Carta 4.6:
Produktiviti buruh per pekerja, ST1 2019 - ST3 2023

■ Produktiviti buruh per pekerja - (RM) ● Produktiviti buruh per pekerja - Tahun ke tahun (%) ● Guna tenaga - Tahun ke tahun (%)

RM



Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Sektor Perkhidmatan menyaksikan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 1.8 peratus bagi produktiviti buruh per pekerja, dengan lima subsektor mencatatkan pertumbuhan positif pada ST3 2023, iaitu Pengangkutan & penyimpanan (7.6%), Hartanah & perkhidmatan perniagaan (6.1%), Perkhidmatan lain (4.3%), Perdagangan borong & runcit (3.5%) dan Utiliti (2.0%).

Pada masa yang sama, sektor Pembinaan mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun yang lebih ketara sebanyak 5.7 peratus bagi produktiviti buruh per pekerja, berikutan peningkatan 5.2 peratus pada ST2 2023. Tambahan pula, sektor Pertanian menunjukkan pemulihan sebanyak 0.2 peratus bagi produktiviti buruh per pekerja selepas penurunan pada suku sebelumnya.

Sebaliknya, produktiviti buruh per pekerja bagi sektor Pembuatan mencatatkan penurunan tahun ke tahun sebanyak 3.1 peratus pada ST3 2023. Walaupun kebanyakan subsektor mengalami penurunan, tiga subsektor merekodkan pertumbuhan dalam prestasinya, iaitu subsektor Produk tekstil, pakaian & kulit (3.9%), diikuti oleh subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (2.3%) dan Minuman & produk tembakau (0.4%).

Selain itu, sektor Perlombongan & pengkuarian mengekalkan pertumbuhan negatifnya bagi produktiviti buruh per pekerja, menurun sebanyak 0.5 peratus tahun ke tahun pada ST3 2023 [Jadual 4.2].

Jadual 4.2:

Produktiviti buruh per pekerja, nilai ditambah dan guna tenaga, ST3 2023, - peratus perubahan (tahun ke tahun)

Aktiviti Ekonomi	Produktiviti buruh per pekerja	Nilai ditambah	Guna tenaga
Pertanian	0.2	0.8	0.6
Perlombongan & pengkuarian	-0.5	-0.1	0.4
Pembuatan	-3.1	-0.1	3.0
Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan	-2.5	4.1	6.8
Minuman & produk tembakau	0.4	4.6	4.1
Produk tekstil, pakaian & kulit	3.9	0.4	-3.3
Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan	-3.9	0.7	4.7
Produk petroleum, kimia, getah & plastik	-3.0	-2.4	0.6
Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka	2.3	5.5	3.2
Produk elektrik, elektronik & optikal	-5.2	-2.5	2.8
Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan	-1.0	4.5	5.5
Pembinaan	5.7	7.2	1.4
Perkhidmatan	1.8	5.0	3.1
Utiliti	2.0	2.2	0.2
Perdagangan borong & runcit	3.5	5.4	1.9
Makanan & minuman dan penginapan	-3.2	5.1	8.7
Pengangkutan & penyimpanan	7.6	12.8	4.9
Maklumat & komunikasi	-1.0	3.5	4.5
Kewangan & insurans	-2.4	-0.8	1.7
Hartanah & perkhidmatan perniagaan	6.1	8.0	1.8
Perkhidmatan lain	4.3	5.7	1.4
Jumlah	0.6	3.3	2.7

Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST3 2023, DOSM

Ekonomi MADANI: Ke arah pembentukan pasaran buruh yang lebih produktif

Kerajaan memperkenalkan rangka kerja Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat dengan visi 'Bersama membina Malaysia ke arah yang lebih baik'. Rangka kerja ini memfokuskan kepada dua objektif utama iaitu menyusun semula ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia. Ini selaras dengan keutamaan kerajaan pada masa kini, iaitu memulihkan pertumbuhan ekonomi negara bagi meningkatkan pendapatan dan mengembalikan ekonomi ke landasan yang betul selepas pulih daripada krisis COVID-19 pada 2020. Rangka kerja Ekonomi MADANI mempunyai tujuh petunjuk perantaraan sebagai sasaran jangka masa sederhana yang perlu dicapai dalam tempoh sepuluh tahun akan datang, termasuk menempatkan Malaysia dalam kedudukan antara 30 ekonomi terbesar di dunia, menduduki tempat ke-12 teratas dalam Indeks Daya Saing Global dan peratus pendapatan buruh mencapai 45 peratus daripada jumlah pendapatan. Selain itu, meningkatkan KPTB perempuan kepada 60 peratus, Indeks Pembangunan Manusia berada dalam kedudukan 25 teratas dunia, meningkatkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah kepada 25 teratas dan ke arah kemampanan fiskal, menyasarkan defisit sebanyak tiga peratus atau lebih baik³. Untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan, adalah penting untuk melaksanakan pembaharuan struktur yang mengutamakan perwujudan pekerjaan yang lebih bermakna dan berkualiti tinggi, menggalakkan peluang yang sama dan mewujudkan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif. Tambahan pula, hasil masa hadapan mesti diagihkan secara saksama, yang menekankan sokongan kepada kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana. Dengan pelaksanaan langkah-langkah ini dapat memastikan manfaat daripada pembangunan ekonomi dikongsi secara meluas dan menyumbang kepada kemakmuran jangka panjang negara.

Kejayaan Malaysia menarik pelaburan asing, berjumlah 132.6 bilion ringgit pada separuh pertama tahun 2023 dan melepasi 60 peratus daripada sasaran tahun ini, bukan sahaja meningkatkan ekonomi negara tetapi juga menyumbang dengan ketara kepada pembentukan pasaran buruh yang lebih produktif. Pencapaian ini merangkumi 63.3 bilion ringgit dalam pelaburan langsung asing, merangkumi 2,651 projek dan dijangka menjana lebih daripada 51 ribu peluang pekerjaan⁴. Pelaburan yang diluluskan itu dijangka memainkan peranan penting dalam memupuk pewujudan pekerjaan, meningkatkan guna tenaga serta mengurangkan lagi kadar pengangguran, mencerminkan komitmen negara terhadap pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Bagi meningkatkan produktiviti, ekonomi Malaysia perlu beralih daripada berorientasikan buruh kepada berteraskan inovasi. Pekara ini boleh dicapai dengan menggalakkan penggunaan inovasi teknologi terkini, menggalakkan penyelidikan & pembangunan dan meningkatkan pelaburan dalam pendidikan & latihan. Dengan memupuk ekonomi yang lebih dipacu oleh inovasi, Malaysia boleh meletakkan dirinya sebagai ekonomi terkemuka di rantau ini, menarik pelaburan asing dan mewujudkan peluang pekerjaan bernilai lebih tinggi kepada rakyatnya. Peralihan sedemikian memerlukan usaha dan sumber yang besar, tetapi manfaat jangka masa panjang untuk ekonomi dan masyarakat Malaysia tidak dapat dinafikan. Dalam Belanjawan Malaysia MADANI 2024, kerajaan memperuntukkan RM6.8 bilion untuk memperkasakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara serta memperkukuh industri yang melibatkan RM100 juta untuk menyediakan pensijilan profesional yang diiktiraf industri kepada graduan TVET dan sebagai insentif untuk industri bekerjasama dengan institusi awam TVET. Sementara itu, Pembangunan Sumber

3 Kementerian Kewangan Malaysia (2023). Tinjauan Ekonomi 2024. Diambil daripada <https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belan-jawan2024/economy/economy-2024.pdf>

4 Kementerian Kewangan Malaysia (2023). Ucapan Belanjawan 2024. Diambil daripada <https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belan-jawan2024/ucapan/ub24-BI.pdf>

Manusia Berhad (HRD Corp) akan menggunakan RM1.6 bilion untuk menyediakan 1.7 juta peluang latihan dan akan memperuntukkan semula dana khas menggunakan 15 peratus daripada jumlah kutipan levi untuk melaksanakan inisiatif latihan MADANI termasuk latihan semula dan peningkatan kemahiran program untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta kumpulan seperti bekas banduan, orang kurang upaya, warga emas dan pesara. Belanjawan MADANI yang pertama telah merintis usaha untuk merombak pendidikan TVET negara melalui kerjasama dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat swasta.

Sebagai sebahagian daripada usaha menambah baik peluang pekerjaan, kerajaan bersetuju untuk membolehkan program peningkatan kemahiran tersedia untuk semua lantikan MySTEP melalui platform MyFutureJobs. Platform ini memadankan pencari kerja dengan pekerjaan yang tersedia untuk membantu mereka membina kerjaya masa depan mereka dan memperoleh pendapatan yang lebih tinggi. Mulai Januari 2024, inisiatif ini akan menawarkan 50,000 peluang pekerjaan secara kontrak dalam sektor awam dan GLC. Sebagai sebahagian daripada komitmen untuk menyokong pekerja informal, khususnya mereka dalam ekonomi gig, kerajaan telah mengumumkan rancangannya untuk meneruskan Program Bina Kerjaya melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Inisiatif ini akan membolehkan pekerja informal mengambil bahagian dalam pembangunan kerjaya dan program latihan kemahiran kelayakan mikro. Sejumlah RM35 juta diperuntukkan untuk membiayai yuran latihan dan menyediakan insentif gantikan pendapatan kepada sehingga 9,000 pekerja gig yang menghadiri program latihan. Langkah ini penting dalam menyediakan peluang kepada pekerja informal untuk meningkatkan kemahiran mereka dan meningkatkan kehidupan mereka.

Kerajaan komited untuk meningkatkan kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh dan menyasarkan untuk meningkatkannya sehingga 60 peratus, yang lebih setanding dengan ekonomi serantau. Bagi mencapai matlamat ini, sebanyak RM720 juta telah diperuntukkan bagi menggalakkan golongan wanita dan belia menceburi bidang perniagaan. Usaha untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam pasaran buruh akan merangkumi langkah perundangan dan kawal selia, serta program sokongan yang direka untuk menggalakkan golongan ibu menyertai semula tenaga kerja. Inisiatif berkaitan *Care-Economy*, seperti menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja, juga akan diperkenalkan untuk memudahkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh.

Kesimpulannya, ketika Malaysia terus maju ke arah memperkukuh potensi ekonominya, komitmen kerajaan untuk menyediakan sokongan dasar kitaran balas serta mempercepatkan pembaharuan struktur telah terbukti. Selaras dengan konsep MADANI, kemakmuran dan daya tahan negara ditonjolkan. Menekankan kepentingan pembangunan kemampanan sosioekonomi, kesejahteraan dan kreativiti, Malaysia melakarkan cara untuk kejayaan yang berkekalan. Rangka kerja Ekonomi MADANI yang berfungsi bukan sahaja sebagai pelan hala tuju untuk pemulihan tetapi sebagai strategi dinamik, bersedia untuk memacu negara ke arah masa hadapan yang ditandakan dengan daya tahan ekonomi yang baik dan kemajuan inklusif.

4. Kesimpulan

Pasaran buruh Malaysia menunjukkan prospek yang memberangsangkan sepanjang ST3 2023, mencatatkan kadar penyertaan tenaga buruh tertinggi dari segi sejarah sebanyak 70.1 peratus, yang patut diberi perhatian di sebalik ketidaktentuan ekonomi global. Pertumbuhan guna tenaga yang positif telah menyumbang peningkatan konsisten tahun ke tahun dalam tenaga buruh manakala bilangan dan kadar pengangguran terus menurun. Melihat kepada permintaan buruh oleh industri, yang diukur dengan bilangan jawatan dalam sektor ekonomi, juga menunjukkan peningkatan pada ST3 2023. Walaupun peningkatan dalam bilangan jawatan disebabkan oleh peningkatan ketara dalam bilangan jawatan diisi, terdapat sedikit penurunan dalam bilangan kekosongan pada suku tahun tersebut. Namun begitu, lebih banyak jawatan diwujudkan pada ST3 2023 berbanding suku tahun yang sama setahun lalu bagi memenuhi keperluan industri, melepasi purata bilangan pewujudan jawatan sebelum krisis kesihatan COVID-19. Dari segi kecekapan pasaran buruh, pengukuran produktiviti buruh berdasarkan nilai ditambah per pekerja, merekodkan prestasi yang lebih baik pada ST3 2023. Sebaliknya, terdapat sedikit penurunan dalam produktiviti buruh per jam bekerja, memberi gambaran terhadap potensi penurunan dalam keseluruhan kecekapan pasaran buruh.

Bagi prospek pasaran buruh jangka masa terdekat, penggubalan Belanjawan 2024 yang diselaraskan dengan rangka kerja Ekonomi MADANI, bertujuan untuk meningkatkan kedudukan ekonomi negara dan rakyat. Dengan tumpuan adalah untuk melaksanakan reformasi bagi meningkatkan tata kelola dan sistem penyampaian awam, mentransformasikan ekonomi dan perniagaan di samping meningkatkan kesejahteraan rakyat. Strategi dan program khusus yang dikenal pasti merentasi kesemua bidang fokus untuk memperkasakan ekosistem pasaran buruh dengan meningkatkan kemahiran tenaga kerja, meningkatkan gaji dan mewujudkan peluang pekerjaan melalui pelaburan yang strategik. Asas ekonomi negara yang kukuh disokong oleh inisiatif seperti yang digariskan dalam Belanjawan 2024 akan terus memyokong momentum pertumbuhan ekonomi yang dianggarkan antara 4.0 peratus hingga 5.0 peratus pada tahun 2024. Justeru, model ekonomi baharu yang bertujuan untuk bersama-sama membina Malaysia yang lebih baik menekankan keperluan komitmen dan dedikasi kesemua pihak berkepentingan untuk merealisasikan matlamat pembangunan ekonomi dan aspirasi negara. Dalam konteks ini, kerajaan akan menggalakkan transformasi industri dan merangsang pertumbuhan produktiviti melalui penggubalan dasar yang berasaskan bukti dan penyediaan persekitaran perniagaan yang kondusif.

Melangkah ke suku terakhir tahun 2023, ekonomi Malaysia menghadapi beberapa cabaran berikutan ketidaktentuan dalam landskap ekonomi global, inflasi yang tinggi, ketegangan geopolitik yang berlarutan dan keadaan iklim. Di samping itu, Indeks Pelopor Malaysia yang terkini menjangkakan ekonomi Malaysia akan terus menyederhana, disebabkan oleh cabaran-cabaran ini, walaupun permintaan domestik yang kukuh. Oleh itu, prestasi keseluruhan pasaran buruh dijangka berkembang, dengan prospek pertumbuhan sederhana pada suku yang akan datang. Namun begitu, pandangan ini tertakluk kepada pelbagai cabaran global dan domestik yang mungkin muncul dari keadaan luar jangka pada masa hadapan, serta kesan bencana banjir yang berkemungkinan akan berlaku berikutan jangkaan Musim Timur Laut atau musim tengkujuh di Malaysia yang bermula pada awal November 2023 dan berterusan hingga Mac 2024.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Gaji dan Upah: Mengkaji Kesan Dasar Gaji Minimum Terhadap Ketidaksamarataan Upah di Malaysia Menggunakan Data Pentadbiran

Nurin Nasuha Hussain¹; Sulaiman Abd Kadir²; Muhammad Izhan Mohd Nawawi³

^{1,2,3} Biro Statistik Buruh Malaysia (MBLS), Jabatan Perangkaan Malaysia


Pengenalan

Malaysia merupakan antara negara membangun di Asia Pasifik yang menggunakan undang-undang gaji minimum, yang diumumkan buat kali pertama pada Julai 2012 sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk menyokong isi rumah berpendapatan rendah untuk kehidupan yang lebih baik. Perintah Gaji Minimum 2012 telah ditetapkan dan dikuatkuasa kepada semua majikan yang mempunyai enam pekerja dan ke atas di Malaysia pada 1 Januari 2013, dengan menetapkan minimum RM900 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan RM800 di Sabah dan Sarawak. Seterusnya, perintah gaji minimum ini telah dikaji semula sebanyak tiga kali dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11). Kajian pertama berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 dan kajian kedua pada tahun 2018 bertujuan untuk menyeragamkan gaji minimum di seluruh Malaysia pada RM1,100 berkuatkuasa mulai 1 Januari 2019. Kemudian, pindaan pada tahun 2020 kepada gaji minimum telah dilakukan pada 1 Februari sebagai kajian ketiga terhadap perintah gaji minimum ini, dengan menaikannya kepada RM1,200 selepas pengumuman Belanjawan 2020. Pada tahun 2022, Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan kadar gaji minimum baharu RM1,500 sebulan bermula 1 Mei 2022 di semua negeri.

Tujuan undang-undang gaji minimum yang diwartakan oleh kerajaan adalah untuk melindungi pekerja bergaji rendah, membolehkan mereka mampu meningkatkan kualiti hidup dan akses yang lebih baik kepada pendidikan. Menurut laporan Program Pembangunan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHDP), kumpulan 10 peratus terkaya di Malaysia menguasai 38.4 peratus daripada pendapatan ekonomi, berbeza dengan kumpulan 10 peratus termiskin, menguasai hanya 1.7 peratus pada tahun 2004. Perbezaan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar ekonomi tertumpu kepada sebahagian kecil penduduk, meninggalkan majoriti untuk bersaing dengan bahagian pendapatan mereka yang tidak seimbang. Apakah kesan yang telah berlaku berkait ketidaksamarataan upah di Malaysia hasil daripada semakan gaji minimum? Adakah ia bertambah baik selepas pelaksanaan gaji minimum terkini pada 2022? Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji trend ketidaksamarataan gaji dalam kedua-dua pra dan selepas pelaksanaan dasar gaji minimum pada tahun 2022 mengikut sektor.

Metodologi

Terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk mengukur ketidaksamarataan upah, termasuk Gini, Atkinson, dan indeks entropi umum (Mohd Safari et al., 2020). Pengukuran ketidaksamarataan berdasarkan pekali Gini pendapatan kasar dan bersih telah meningkat dengan ketara sejak tahun 1990 di kebanyakan negara maju (Kochhar et al., 2015). Khususnya, pekali Gini adalah nisbah kawasan antara garis kesaksamaan 45° dan keluk Lorenz ke kawasan segitiga di bawah garis kesamarataan 45°. Pekali Gini memudahkan variasi dalam saham pendapatan yang dipegang oleh bahagian taburan pendapatan yang berlainan ke dalam satu skor; 0 mewakili kesaksamaan sempurna dan 1 mewakili ketidaksamarataan sempurna (Muthusamy et al., 2023).



Rajah 1:
Keluk Lorenz

Bagi kajian ini, kami memberi tumpuan untuk menggunakan kaedah Pekali Gini dan Keluk Lorenz untuk mengukur ketidaksamarataan upah menggunakan 6.5 juta data pentadbiran daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) selaras dengan Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) (EWS) pada ST1 2023 bagi tempoh Januari 2022 hingga Mac 2023. Berdasarkan teknik pengiraan bilangan sampel yang diperlukan, 6.5 juta sampel adalah lebih daripada cukup daripada keseluruhan populasi untuk mengetahui gambaran keseluruhan kajian.


Bagi pengiraan ini, kami memberi kedudukan dalam tertib menaik mengikut bilangan token yang diberikan (Catalano et al., 2009). Langkah ini harus diikuti sebelum meneruskan langkah seterusnya. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1, keluk Lorenz adalah perwakilan grafik taburan pendapatan yang dibangunkan oleh Lorenz (1905). Garis kesaksamaan mewakili taburan pendapatan yang sempurna, dan keluk Lorenz menunjukkan taburan pendapatan sebenar (Mohd Safari et al., 2020). Semakin tidak sekata taburan pendapatan, semakin keluk Lorenz menyimpang dari garis persamaan (Lorenz, 1905). Berdasarkan Sitthiyot and Holasut (2020), indeks Gini dikira sebagai nisbah kawasan antara garis persamaan sempurna dan keluk Lorenz (A) dibahagikan dengan jumlah kawasan di bawah garis persamaan sempurna (A + B), atau sebagai formula di bawah:

$$\text{Pekali Gini} = A/(A+B)$$

Penemuan

Pekali Gini untuk pekerja formal pada Mac 2022 adalah tertinggi dalam tempoh 14 bulan iaitu 0.59. Nilai ini adalah 3.9 peratus lebih tinggi berbanding pekali pada Mac 2023 iaitu 0.57. **Carta 1** menunjukkan bahawa terdapat pertumbuhan negatif secara berurutan (ditunjukkan oleh trend pertumbuhan pekali Gini) dalam dua bulan pertama April dan Mei ST2 2022, sebelum kekal meningkat dalam beberapa bulan ke depan dan mencapai kemuncak pada Disember 2022, iaitu 0.53. Purata pekali Gini untuk pekerja formal pada tahun 2022 adalah 0.51 iaitu lebih besar daripada pekali Gini di Malaysia 2022 (0.404) berdasarkan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2022.

Carta 1:
Pekali Gini, Januari 2022 - Mac 2023




Sumber: Pengiraan penulis berdasarkan Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) Suku Pertama 2023, DOSM

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, penting untuk diteliti bahawa kajian ini secara khusus menumpukan kepada pendapatan individu, sejajar dengan penerbitan pertama kali Laporan Statistik Upah Pekerja (EWS) ST1 2023, berbeza dengan pendapatan isi rumah seperti yang dibincangkan dalam Laporan Ketidaksamarataan Pendapatan. Perbandingan suku ke suku menunjukkan bahawa pekali Gini keseluruhan untuk pekerja formal ialah 0.53 pada ST1 2023, lebih rendah sebanyak 3.84 peratus berbanding purata bagi ST1 2022, manakala lebih tinggi sebanyak 5.13 peratus berbanding purata keseluruhan pada 2022.

Keluk Lorenz adalah kaedah am untuk menunjukkan taburan pendapatan dalam satu garis. **Carta 2** menunjukkan keluk Lorenz dengan pekali Gini pada Mac 2023 menurun 3.38 peratus kepada 0.5676 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya (Mac 2022: 0.5874). Kumpulan 50 peratus populasi terbawah menerima 16.05 peratus daripada jumlah gaji iaitu meningkat sebanyak 1.2 mata peratusan berbanding Mac 2022 (14.88%).

Carta 2:

Keluk Lorenz, Mac 2022 & Mac 2023




Taburan ini mewakili pekerja formal mengikut skala upah pada Mac 2023 menunjukkan 10.2 peratus pekerja formal menerima gaji kurang daripada paras gaji minimum (RM1,500) telah menurun sebanyak 15.3 mata peratus berbanding Mac 2022 (25.5%).

Carta 3:

Taburan Gaji Bulanan Pekerja Formal Mengikut Skala Upah, Mac 2022 & Mac 2023

Peratus sumbangan (%)




Carta 4 menunjukkan trend garis pekali Gini bagi lima sektor utama termasuk Pertanian, Perlombongan dan Kuari, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Pekali Gini bagi sektor Pertanian pada mulanya kekal rendah berikutan pelaksanaan kenaikan gaji minimum kepada RM1,500 pada Mei 2022, tetapi ia secara beransur-ansur meningkat mencapai kemuncak 0.58 pada Januari 2023. Secara purata, pekali Gini untuk Pertanian pada ST1 2023 (0.50) adalah lebih rendah daripada ST1 2022 (0.53). Terutamanya, bulan Mac 2023 menunjukkan bahawa terdapat penurunan ketara dalam ketidaksamarataan upah sebanyak 9.07 peratus.

